ڤتيقن تيته

PETIKAN TITAH

"SISTEM MIB juga telah terbukti amat mesra kepada dunia, sehingga siapa saja yang datang berkunjung ke negara ini akan beroleh pengalaman manis, dapat menikmati suasana aman dan harmoni serta layanan yang sebaik-baiknya".
- Titah Sempena Sambutan Israk dan Mikraj Peringkat Negara Tahun 1440H / 2019M.

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

# Pelita BRUNEI

ڤليتا بروني

*Membudayakan Masyarakat Bermaklumat*

ماڽيس ايمان

MANISNYA IMAN

"DAN berpegang teguhlah kamu kepada tali (agama) Allah dan janganlah kamu bercerai-berai".
- Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Ali 'Imran, ayat 103.

*Waktu Sembahyang*

| IMSAK | SUBUH | SYURUK | DUHA | ZUHUR | ASAR | MAGHRIB | ISYAK |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 5.06 | 5.16 | 6.34 | 6.56 | 12.35 | 3.52 | 6.34 | 7.43 |

Daerah Belait ditambah 3 Minit dan Daerah Tutong ditambah 1 Minit

TAHUN 65 / BILANGAN 24 | 24 FEBRUARI 2020 / 30 جمادى الأخير 1441 | JABATAN PENERANGAN | EDISI ISNIN / PERCUMA


منجاياكن واوسن نڬارا
MENJAYAKAN WAWASAN NEGARA
23 FEBRUARI 2020

**SELAMAT MENYAMBUT ULANG TAHUN HARI KEBANGSAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM KE-36, TAHUN 2020 'MENJAYAKAN WAWASAN NEGARA'**



## Lebih 30 ribu peserta memeriahkan Sambutan Hari Kebangsaan

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 23 Februari. - Kita panjatkan kesyukuran atas limpah rahmat dan kurnia-Nya, negara kita, Brunei Darussalam dapat mengecapi nikmat sebuah kemerdekaan Ke-36 tahun dalam suasana aman-damai lagi harmoni pada tahun ini.

Justeru, Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien di ibu negara menjadi saksi bagi kemeriahan suasana Upacara Perhimpunan Agung Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam apabila saban tahun kita raikan dengan melaungkan Allahu Akbar seperti lafaz yang dilaungkan oleh paduka ayahanda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, iaitu Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien pada detik kita mencapai kemerdekaan pada tahun 1984 yang telah lalu.

Ke muka 4

**KEBAWAH DYMM Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menerima tabik hormat dari perbarisan lalu pasukan-pasukan yang mengambil bahagian di Perhimpunan Agung Sempena Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-36 yang berlangsung di ibu negara. - Foto : Mohamad Azmi Awang Damit. (*Lihat muka 4, 5, 6, dan 7*).**

# Sumber tenaga manusia aset terpenting negara

Oleh : Nur Amalia Alisha Daud, Hezlinawati Haji Abdul Karim

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 22 Februari. - Sumber tenaga yang berpendidikan dan berkemahiran tinggi amatlah dihajati bagi tujuan membawa perubahan.

"Apapun rancangan dan perubahan, banyak bergantung kepada sumber tenaga manusia. Sumber ini tidak syak lagi adalah aset terpenting negara, kerana merekalah yang akan berusaha untuk mencorakkan kehidupan, selaras dengan keperluan," demikian titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-36 bagi Tahun 2020 yang berlangsung di Istana Nurul Iman, di sini.

Ke muka 3

IKUTI KAMI DI

APLIKASI MUDAH ALIH InfoDeptBN

Jabatan Penerangan Jabatan Perdana Menteri Brunei Darussalam

infodept.bn | infodept_bn

## Berita Utama




MAJLIS Kesyukuran sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-36 Muka 12





PBSM siap siaga bantu masyarakat Muka 17





PSB terima kunjungan rombongan PKBN, PBCTA Muka 22






GILAP bakat penulisan penuntut Muka 21

# Isu keselamatan kesihatan perlu pendekatan pelbagai sektor

**Bismillahir Rahmanir Rahim**
**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Selamat pagi**

SELAMAT datang! Bagi pihak Kementerian Kesihatan dan Kerajaan Negara Brunei Darussalam, saya ingin mengambil kesempatan ini mengalu-alukan kepada semua yang hadir pada hari ini. Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih atas kesungguhan dan kegigihan menganjurkan Majlis Penilaian Luar Bersama (JEE) Dalam Kapasiti Teras Peraturan Kesihatan Antarabangsa (IHR). Selamat datang juga khusus ditujukan kepada peserta-peserta yang datang dari jauh untuk menghadiri misi JEE ini. Semoga semuanya akan berasa selesa berada di negara kami yang aman damai, Negara Brunei Darussalam.

Rantau di sebelah ini terkenal sebagai titik panas bagi ancaman keselamatan kesihatan. Keadaan ini mewujudkan risiko yang berterusan bukan saja kepada kesihatan bahkan kepada kemajuan sosial dan ekonomi. Dalam dekad yang lalu, rantau ini mengalami jangkitan Influenza Avian (Wabak Selesema Burung) dalam kalangan manusia, MERS, Zika dan pelbagai penyakit berjangkit yang muncul. Dua dari empat pandemik influenza merebak di rantau ini dan Negara Brunei Darussalam tidak terlepas dari serangan pandemik influenza H1N1 yang merebak pada tahun 2009.

Soalan bagi kita yang berada di Negara Brunei Darussalam ialah adakah kita belajar daripada peristiwa-peristiwa ini? Dan adakah kita lebih bersedia bagi menangani situasi ini berbanding sebelumnya? Andainya kita gagal, adakah kita bersedia untuk menghadapi kegagalan itu?

Saya percaya bahawa dalam beberapa peringkat, kita telah memperbaiki tahap kesediaan kita untuk menangani ancaman keselamatan kesihatan. Salah satu aspek utama bagi kesediaan ini ialah dengan memastikan mekanisme yang terarah yang menepati tujuan. Isu keselamatan kesihatan tidak sepatutnya dibebankan kepada Kementerian Kesihatan sahaja. Sebaliknya, ia memerlukan pendekatan pelbagai sektor yang berkaitan kewangan, pertanian, alam sekitar, responden kecemasan, agensi keselamatan dan lain-lain, bekerjasama untuk melindungi kesejahteraan penduduk di Negara Brunei Darussalam.

Oleh yang demikian, saya amat sukacita kerana bersama kita hari ini adalah Setiausaha-setiausaha Tetap dari lapan buah kementerian. Mereka adalah ahli tetap bagi Jawatankuasa Kebangsaan untuk Pelaksanaan IHR. Jawatankuasa ini, yang saya sendiri sebagai pengerusi ditubuhkan tahun lepas dengan perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi memastikan isu keselamatan kesihatan adalah sebenar-benar tanggungjawab semua.



**MENTERI Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar semasa berucap pada Pembukaan Penilaian Luar Bersama (JEE) dalam Kapasiti Teras Peraturan Kesihatan Antarabangsa (IHR) pada Isnin, 29 Safar 1441 Hijrah bersamaan 28 Oktober 2019 Masihi di Hotel Antarabangsa Rizqun, Gadong.**

**Terjemahan dari teks asal dalam bahasa Inggeris oleh Haji Mirazman Haji Othman**

Setiausaha-Setiausaha Tetap, kehadiran tuan-tuan dan puan-puan hari ini, menunjukkan komitmen padu Kerajaan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke arah membangun kapasiti nasional untuk mencegah, mengesan dan bertindak balas kepada sebarang kejadian berkaitan kesihatan awam.

Sebenarnya, kita sudah membuat kemajuan yang signifikan dalam mewujudkan Negara Brunei Darussalam berada dalam keadaan yang lebih selamat. Namun demikian, ia tidak bermaksud kita telah bebas sepenuhnya daripada ancaman-ancaman kecemasan kesihatan awam. Aktiviti-aktiviti kepelbagaian ekonomi kita memastikan pergerakan manusia dan barangan telah melonjak secara mendadak sejak beberapa tahun kebelakangan ini, malahan meningkatkan kemasukan penyakit berjangkit yang baru muncul. Aktiviti pertanian yang meningkat bermakna kita kini perlu lebih peka terhadap penyakit-penyakit yang berpunca daripada sumber-sumber zoo. Berkaitan dengan bersua muka antara manusia dengan haiwan, ketahanan Antimikrobial juga telah menjadi isu keselamatan kesihatan yang serius. Perubahan iklim bukan sekadar meningkatkan kesan kepada bencana alam, malah telah ia mengubah jangkauan geografik bagi merebaknya penyakit berjangkit seperti Penyakit Virus Zika.

Oleh yang demikian, dengan mengambil kira faktor-faktor tersebut, sudah sewajarnyalah kita perlu lebih bersedia. Walaupun, kita telah memiliki kepatuhan IHR sejak tahun 2014 dan memiliki sistem kesihatan yang canggih, tiada satu sistem yang sempurna dan adalah bermanfaat andainya pembaikan berterusan sentiasa dilaksanakan. Oleh kerana itulah kita dengan sukarela menjalankan proses usaha sama penilaian luar ini. Dengan adanya pakar teknikal untuk mengkaji semula dan mengesahkan sistem-sistem, dasar-dasar, prosedur-prosedur dan hubungan yang menyokong pelaksanaan IHR adalah sangat bermanfaat dalam membantu kita untuk mengenal pasti keutamaan dalam menyasarkan sumber untuk kekukuhan berterusan.

Sejak 15 bulan yang lalu, kita semua telah bekerja keras untuk mempersiapkan misi luar ini dan saya sendiri telah membiasakan diri dengan peralatan JEE. Dalam beberapa hari akan datang, kita akan mengadakan perbincangan teknikal dan semoga akan memperoleh kesepakatan pada skor, mengenal pasti kekuatan kita dan bidang-bidang yang memerlukan pembaikan. Oleh itu, izinkan saya mengongsi tiga perkara penting yang saya harap para peserta akan memberi tumpuan semasa perbincangan teknikal nanti.

Pertama, adalah penting untuk diingat, bahawa JEE adalah satu proses - ia bukanlah hasil. Laporan misi ini tidak sepatutnya sebagai titik akhir bahkan sebagai titik permulaan ke arah memperkuatkan kapasiti keselamatan kesihatan kita. Tugasan ini tiada hentinya. Sebenarnya kerja kita bermula sebaik sahaja kita menerima laporan itu.

Seterusnya kita beralih ke perkara kedua. Keberkesanan pelaksanaan laporan ini sangat bergantung sepenuhnya kepada bagaimana cadangan-cadangan yang terkandung dalam laporan itu nanti ia boleh dilaksanakan secara realistik dan dapat dicapai. Walaupun peralatan JEE adalah dokumen yang piawai, cadangan-cadangan dan keutamaan tindakan-tindakan bukan satu untuk semua. Ia perlulah disesuaikan mengikut keperluan, keutamaan dan mengambil kira tahap kemajuan sesebuah negara.

Ke muka 18

## Dari Sidang Pengarang.

**24 FEBRUARI 2020 BERSAMAAN 30 جمادى الأخير 1441**

## BERGERAK MAJU MENUJU HALA TUJU YANG SAMA

TANGAN ditadahkan, merafakkan rasa syukur kerana dengan izin Allah Subhanahu Wata'ala jua, negara menyambut Ulang Tahun Hari Kebangsaan Ke-36 pada tahun ini dalam keadaan aman, tenteram dan harmoni. Inilah juga rahmat dari Allah Subhanahu Wata'ala, maka janganlah kita cuai dalam memastikan negara adalah sentiasa sebuah negara yang berdaulat berpandukan konsep Melayu Islam Beraja.

Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Sambutan Hari Kebangsaan negara ini yang ke-36, "Rahmat Allah turun, kerana negara ini berstatus 'Negara Zikir', dengan umat di dalamnya menjalani kehidupan bertakwa. Apabila sesebuah negara dihuni oleh manusia-manusia ahli takwa, maka janji Allah pasti berlaku menurunkan berkat daripada langit dan mengeluarkannya daripada bumi,".

Sepanjang 36 tahun ini, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sentiasa mengutamakan kebajikan rakyat dan penduduk diutamakan. Justeru, pelbagai usaha dan platform dikenalkan demi kemaslahatan rakyat dan penduduk di negara ini.

Antaranya seperti yang dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia sempena Sambutan Hari Kebangsaan negara ini yang ke-36, "...kita sekarang dalam rangka memperkasa masyarakat dan institusi kekeluargaan. Di sini, dasar takwa adalah mampu untuk menjamin golongan tertentu supaya mendapat pembelaan dan perlindungan. Maka melalui Program Pelan Membasmi Kemiskinan di bawah Majlis Kebangsaan Isu Sosial (MKIS), kita telahpun merangka inisiatif-inisiatif pemerkasaan sara diri bagi golongan sasaran."

Langkah ini, titah baginda, akan membuka peluang yang lebih luas untuk golongan tertentu mendapatkan pekerjaan ataupun bergiat di dalam bidang keusahawanan, yang sekaligus akan mengurangkan kebergantungan kepada bantuan kerajaan.

Bagaimanapun, negara tetap mengambil tanggungjawab untuk mengusahakan pelbagai kemudahan bagi kebajikan rakyat. Antaranya ialah dalam sedikit masa lagi, kerajaan akan melaksanakan Sistem Kebajikan Negara (SKN) yang akan membolehkan pemohon bantuan untuk membuat permohonan secara dalam talian.

Alhamdulillah, kerajaan tidak pernah camah mata dan sentiasa prihatin kepada kebajikan rakyat dan penduduk di negara ini.

Namun sebagai anak Brunei, kita hendaklah sama-sama bergerak maju menuju hala tuju yang sama. Kita semua sama-sama memikul tanggungjawab memastikan negara terus membangun dalam suasana aman damai, harmoni dengan tidak lupa akan asal usul kita sebagai sebuah negara yang berpegang kepada konsep Melayu Islam Beraja. Marilah kita sama-sama Menjayakan Wawasan Negara! - **Ketua Penyuntingan (Ss)**

## RAMALAN CUACA 3 HARI

| | ISNIN | SELASA | RABU |
|---|---|---|---|
| BANDAR SERI BEGAWAN | 32 25 °C | 33 26 °C | 32 26 °C |
| PEKAN BANGAR | 33 24 °C | 33 24 °C | 32 25 °C |
| PEKAN TUTONG | 32 26 °C | 33 26 °C | 32 25 °C |
| KUALA BELAIT | 31 25 °C | 32 25 °C | 31 25 °C |

Wallahualam Bissawab
Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam
www.met.gov.bn
Talian Cuaca 114
Brunei WX App

## WAKTU SEMBAHYANG

*firman Allah Ta'ala dalam Surah Al-Ankabut, ayat 45, bermaksud:*
*"...dan dirikanlah sembahyang sesungguhnya sembahyang itu mencegah daripada fasya' dan mungkar."*

| Masihi FEBRUARI | HARI | Hijrah JAMADILAKHIR | IMSAK | SUBUH | SYURUK | DUHA | ZUHUR | ASAR | MAGHRIB | ISYAK |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 24 | ISNIN | 30 | 5.06 | 5.16 | 6.34 | 6.56 | 12.35 | 3.52 | 6.34 | 7.43 |
| 25 | SELASA | 1 REJAB | 5.05 | 5.15 | 6.33 | 6.56 | 12.35 | 3.52 | 6.34 | 7.43 |
| 26 | RABU | 2 | 5.05 | 5.15 | 6.33 | 6.56 | 12.34 | 3.51 | 6.34 | 7.43 |
| 27 | KHAMIS | 3 | 5.05 | 5.15 | 6.33 | 6.55 | 12.34 | 3.51 | 6.34 | 7.43 |
| 28 | JUMAAT | 4 | 5.05 | 5.15 | 6.32 | 6.55 | 12.34 | 3.50 | 6.33 | 7.43 |
| 29 | SABTU | 5 | 5.05 | 5.15 | 6.32 | 6.55 | 12.34 | 3.50 | 6.33 | 7.43 |
| 1 MAC | AHAD | 6 | 5.04 | 5.14 | 6.32 | 6.54 | 12.34 | 3.49 | 6.33 | 7.43 |

Daerah Brunei Muara & Temburong. Peringatan: Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

TALIAN KECEMASAN
AMBULANS 991 | POLIS 993 | BOMBA 995 | PENYELAMAT 998
(Talian Darussalam) JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK JABATAN PENGANGKUTAN DARAT. KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DAN e-darussalam 123
NDMC 2380214

# Siasah takwa kukuhkan perpaduan, menjamin keharmonian

Oleh : Nur Amalia Alisha Daud, Hezlinawati Haji Abdul Karim
Foto : Hamzah Mohidin

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 22 Februari. - Siasah takwa dapat memperkukuhkan perpaduan umat dan menjamin keharmonian antara kaum, sementara terhadap mereka yang di luar lingkungan pula, akan kekal menikmati hubungan berbaik-baik, atas dasar hormat menghormati dan tidak mencampuri urusan masing-masing.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah demikian sempena Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-36 bagi Tahun 2020 yang berlangsung di Istana Nurul Iman, di sini.

Dalam ekonomi, Kebawah Duli Yang Maha Mulia bertitah, dasar takwa juga menjamin kesucian, iaitu menjana rezeki dari sumber yang halal, bukan dari sumber yang haram.

Dasar ini, titah Kebawah DYMM lagi, melarang keras menipu atau memberi dan menerima rasuah dan lain-lain.

Pendeknya, dasar ekonomi takwa, sama sekali tidak menganiaya mana-mana pihak.

Terdahulu baginda bertitah sudah sewajarnya kita merafakkan syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin-Nya jua, dapatlah pula kita meraikan Hari Kebangsaan pada tahun ini dan berdoa semoga dengan perayaan ini akan mengingatkan kita kepada rahmat Allah berupa kemerdekaan, keamanan dan kemakmuran.

"Rahmat Allah turun, kerana negara ini berstatus 'Negara Zikir', dengan umat di dalamnya menjalani kehidupan bertakwa. Apabila sesebuah negara dihuni oleh manusia-manusia ahli takwa, maka janji Allah pasti berlaku menurunkan berkat daripada langit dan mengeluarkannya daripada bumi," titah baginda.

Menyentuh mengenai tema sambutan, berbunyi: 'Menjayakan Wawasan Negara' Kebawah DYMM bertitah bahawa menyebut wawasan sahaja tidak memadai, tetapi yang penting, kita mesti menentukan 'dasar', selaku penunjuk arah kepada satu-satu matlamat atau tujuan yang hendak dicapai.

"Pada beta, dasar terbaik ialah 'takwa'. Takwalah landasan satu-satunya yang mampu untuk menyampaikan kita kepada kejayaan. Hanya dengan takwa juga segala perjalanan hidup terjamin lurus dan adil, termasuk langkah kita Menjana Wawasan Negara," titah baginda.

Di bawah dasar ini, titah baginda lagi kebajikan rakyat dan penduduk adalah diutamakan.



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah sempena Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-36 bagi Tahun 2020 yang berlangsung di Istana Nurul Iman.**

# Sumber tenaga manusia aset terpenting negara

**Dari muka 1**

Sekarang, titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia, satu projek raksasa, iaitu Jambatan Penghubung di antara Daerah Brunei dan Muara dan Daerah Temburong sedang menunggu masa untuk dibuka.

Dari sini, tegas baginda, kita boleh belajar, bahawa tanpa sumber tenaga berkemahiran, projek ini tidak mungkin menjadi kenyataan dan menekankan betapa pentingnya untuk kita melakar pendidikan tinggi untuk melahirkan sumber tenaga yang berkemahiran.

Terdahulu, baginda bertitah menyentuh mengenai rangka memperkasa masyarakat dan institusi kekeluargaan di mana dasar takwa adalah mampu untuk menjamin golongan tertentu supaya mendapat pembelaan dan perlindungan.

"Maka melalui Program Pelan Membasmi Kemiskinan di bawah Majlis Kebangsaan Isu Sosial (MKIS), kita telah pun merangka inisiatif-inisiatif pemerkasaan sara diri bagi golongan sasaran.

Langkah ini akan membuka peluang yang lebih luas untuk golongan tertentu mendapatkan pekerjaan ataupun bergiat di dalam bidang keusahawanan, yang sekali gus akan mengurangkan kebergantungan kepada bantuan kerajaan," titah baginda.

Ini juga tegas baginda mendukung konsep takwa yang menggalakkan umat Islam supaya berdikari dengan titik peluh sendiri.

"Walau bagaimanapun, negara tetap mengambil tanggungjawab untuk mengusahakan pelbagai kemudahan bagi kebajikan rakyat, seperti misalnya, sedikit masa lagi insyaaAllah, kerajaan akan melaksanakan Sistem Kebajikan Negara (SKN) yang akan membolehkan pemohon bantuan untuk membuat permohonan secara di atas talian (online)," titah baginda lagi.

Sebelum mengakhiri titah, baginda merakamkan ucapan terima kasih kepada semua peserta dan petugas serta Ahli-ahli Jawatankuasa-jawatankuasa yang sama-sama berusaha dalam menjayakan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-36 pada tahun ini.

Baginda juga merakamkan ucapan yang sama kepada semua lapisan rakyat, meliputi semua peringkat warga Perkhidmatan Awam, termasuk mereka yang bertugas di luar negara, Pasukan-pasukan Keselamatan serta mereka yang berkhidmat di sektor swasta dengan iringan doa semoga kita dan negara akan sentiasa berada di dalam pemeliharaan dan perlindungan Allah juga.

## Inti Sari Titah

- **DASAR** takwa mampu untuk menyampaikan kepada kejayaan. Dengan takwa segala perjalanan hidup terjamin lurus dan adil termasuk langkah Menjana Wawasan Negara.
- **SIASAH** takwa dapat memperkukuh perpaduan umat dan menjamin keharmonian antara kaum.
- **DASAR** ekonomi takwa tidak menganiaya mana-mana pihak.
- **PROGRAM** Pelan Membasmi Kemiskinan di bawah Majlis Kebangsaan Isu Sosial (MKIS) membuka peluang lebih luas untuk golongan tertentu.
- **PROGRAM** Pelan Membasmi Kemiskinan mendukung konsep takwa.
- **SISTEM** Kebajikan Negara (SKN) akan dilaksanakan.
- **SUMBER** tenaga yang berpendidikan dan berkemahiran tinggi amat dihajati.

# Lebih 30 ribu peserta memeriahkan Sambutan Hari Kebangsaan



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia melambai mesra para peserta yang mengambil bahagian di Perhimpunan Agung Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darusssalam Ke-36.



KEBAWAH DYMM berkenan memeriksa Pasukan Perbarisan Kawalan Kehormatan, yang terdiri daripada anggota ABDB dan PPDB, yang diketuai oleh Pemerintah Perbarisan Kawalan Kehormatan, 581 Leftenan Kolonel Rudie Asmawi bin Haji Abidin.

**Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi**
**Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Masri Osman, Hamzah Mohidin, Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman, Azmah Haji Ahad, Dk. Nur Hafilah Pg. Osman dan Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman**

**Dari muka 1**

Setentunya, setiap 23 Februari takkan luput dalam ingatan kita selaku warganegara malah menyambutnya dengan penuh semangat patriotik demi negara yang kita cintai dan dari itu, para peserta perbarisan dan persembahan seramai lebih 30 ribu orang peserta begitu teruja sejak awal pagi lebih-lebih lagi untuk mempersembahkan kehadapan majlis Raja yang dikasihi dan demi negara yang tercinta.

Seorang pemimpin negara yang berjiwa rakyat juga teruja bercemar duli bersama rakyat dan penduduk negara ini untuk sama-sama menyambut detik 23 Februari ini dan begitu juga paduka-paduka anakanda dan adinda Kebawah DYMM, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di JPM; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Wakeel.

Berangkat sama, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah.

Sejurus keberangkatan tiba Kebawah DYMM berserta kerabat Diraja yang lain di perkarangan Pentas Diraja dijunjung oleh Yang Di-Pertua Adat Istiadat Negara, Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz bin Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar dan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Sambutan serta Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi yang lain.

**Ke muka 5**

منجاياکن واوسن نݢارا
MENJAYAKAN WAWASAN NEGARA
23 FEBRUARI 2020








WARGA kurang upaya (atas tengah), rakyat dan penduduk negara ini dari Persatuan Sutera Daerah Belait sama-sama menyertai perhimpunan bagi memeriahkan lagi suasana sambutan. Sementara gambar kanan, perbarisan lalu dengan penuh semangat dari pasukan Kementerian Kewangan.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan menerima tabik hormat dari perbarisan yang menyertai Perhimpunan sempena Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-36. Juga berangkat pada majlis tersebut ialah paduka-paduka anakanda dan adinda baginda.

Dari muka 4

Setelah Lagu Kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan' dinyanyikan, Kebawah DYMM seterusnya dijunjung bagi memeriksa Pasukan Perbarisan Kawalan Kehormatan, yang terdiri daripada anggota ABDB dan PPDB, yang diketuai oleh Pemerintah Perbarisan Kawalan Kehormatan, 581 Leftenan Kolonel Rudie Asmawi bin Haji Abidin.

Upacara perbarisan lalu Hari Kebangsaan Ke-36 kali ini dimeriahkan dengan penyertaan paduka-paduka anakanda baginda, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri 'Azemah Ni'matul Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Fadzilah Lubabul Bolkiah berserta kerabat Diraja yang lain bagi pasukan kontinjen negara ke Sukan Asia Tenggara ke-30 di Republik Filipina tahun lalu dengan pencapaian terbaik negara di pesta sukan antarabangsa bagi sejarah SEA Games negara kita.

Lebih 25 ribu orang peserta menyertai perbarisan lalu mewakili 161 pasukan yang didahului pasukan Pembawa Bendera Negara Brunei Darussalam; Pembaca Ikrar; Pembawa Bendera Brunei Darussalam Bendera Logo Hari Kebangsaan serta pasukan-pasukan lain mengikut kluster masing-masing iaitu 17 pasukan dalam Kluster Keamanan Negara; empat pasukan bagi Kluster Masyarakat Bestari; Kluster Perkhidmatan Awam sebanyak 21 pasukan; 22 pasukan dalam Kluster Sosio-Ekonomi; Kluster Pendidikan Pasca Menengah seramai 15 pasukan; Kluster Pendidikan Menengah sebanyak 35 pasukan; Kluster Pendidikan Swasta sembilan buah; Kluster Takmir Masjid lima buah pasukan; Kluster Persatuan Profesional empat pasukan; Kluster Pergerakan Belia sebanyak lima pasukan; Kluster Pergerakan Wanita tiga pasukan; dua pasukan dalam Kluster Persatuan Sukan; Kluster Persatuan Umum sebanyak 11 pasukan; empat pasukan bagi Kluster Masyarakat Umum dan sebuah pasukan bagi Kluster Pasukan Generasi Belia Berwawasan yang juga mengakhiri acara perbarisan sambutan.

Seramai 36 peserta membacakan lafaz ikrar Hari Kebangsaan Ke-36 di mana diketuai oleh guru di Jabatan Pendidikan Kokurikulum, Muhammad Fatin Abdul Rahman bin Haji Kifli dan Pegawai Hal Ehwal Masjid, Pengiran Ahmad Faris Ramadhani bin Pengiran Haji Sellahhuddin pula memimpin bagi laungan takbir sebanyak tiga kali.

Upacara juga disemarakkan dengan segmen persembahan 'Alun Genderang' seramai 936 orang peserta yang terdiri daripada gabungan Pancaragam Kadet Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Pancaragam Kadet Polis Diraja Brunei, belia-belia, pelajar-pelajar sekolah rendah, menengah, maktab dan pelatih Program Khidmat Bakti Negara (PKBN).

Sementara itu, persembahan Tema 'Menjayakan Wawasan Negara' dengan melibatkan keramaian 7,336 peserta yang mewakili pelbagai sektor dan agensi pembangunan negara termasuk belia mewakili sekolah-sekolah menengah, maktab-maktab dan institusi pengajian tinggi.

Sebelum berangkat meninggalkan majlis, Kebawah DYMM juga sempat merakamkan kenangan bermesra dan menerima junjung ziarah daripada para peserta upacara sambutan Hari Kebangsaan kali ini.

Ternyata penyertaan seluruh lapisan rakyat dan penduduk termasuk warganegara asing yang berkhidmat di negara ini bersatu di bawah satu naungan seorang pemimpin yang berdaulat meskipun berlainan latar belakang, bahasa, budaya dan agama sekali gus mencerminkan kita telah mengecapi satu perpaduan yang begitu harmoni.






BAGINDA berkenan beramah mesra dan berswafoto bersama para peserta yang mengambil bahagian (kiri). Sementara gambar kanan, upacara Perbarisan Lalu Hari Kebangsaan Ke-36 juga disertai paduka-paduka anakanda baginda, YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri 'Azemah Ni'matul Bolkiah dan YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Fadzilah Lubabul Bolkiah berserta kerabat diraja yang lain.






PESERTA Orang Kelainan Upaya (kanan). Manakala gambar atas, pasukan terdiri daripada warga Indonesia di negara ini gembira menyertai Pehimpunan Hari Kebangsaan Ke-36.

# 7,336 sertai persembahan padang 'Menjayakan Wawasan Negara'

**Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim**
**Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Haji Ariffin Haji Mohd. Noor / Morshidi, Masri Osman, Hamzah Mohidin, Mohd Zul-Izzi Haji Duraman, Azmah Haji Ahad, Dk. Nur Hafilah Pg. Osman dan Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman**



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama paduka anakanda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri ketika Lagu Kebangsaan 'Allah Peliharakan Sultan' dinyanyikan.

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Ahad, 23 Februari. - Acara Kemuncak Perhimpunan Agung Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Ke-36 yang berlangsung di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien, di ibu negara diwarnai dengan persembahan tema 'Menjayakan Wawasan Negara' yang dijayakan oleh 7,336 orang peserta mewakili pelbagai sektor dan agensi pembangunan negara, termasuk para pelajar sekolah-sekolah menengah, maktab-maktab dan institusi-institusi pengajian tinggi.

Persembahan yang bertemakan 'Menjayakan Wawasan Negara' memaparkan usaha-usaha membangun negara dengan menilai aspek pembangunan yang berdaya tahan membawa generasi muda untuk bersiap siaga mempertahankan negara dan dalam masa yang sama menyahut cabaran dalam ledakan teknologi, komunikasi dan Revolusi Industri 4.0.

Segmen pertama mempersembahkan erti kemerdekaan Negara Brunei Darussalam pada tahun 1984 di sambut dengan takbir, menyatakan kesungguhan menjadi sebuah negara Melayu Islam Beraja yang merdeka dan berdaulat, dengan limpah dan rahmat Allah Subhanahu Wata'ala.

Segmen kedua pula mempamerkan kemerdekaan tahun 1984 iaitu tahun keramat, negara mengecapi kemerdekaan dan kedaulatannya. Pada tahun 1984 juga, negara memulakan pentadbiran sendiri sebagai negara Melayu Islam Beraja dan menjalinkan hubungan dengan negara luar melalui hubungan diplomatik dan penyertaan dalam pertubuhan antarabangsa.

Segmen ketiga mempersembahkan, penanda aras pembangunan negara ialah apabila Projek Jambatan Temburong selesai dibina. Jambatan bersejarah ini menempatkan negara ke persada dunia sebagai jambatan penghubung keempat-empat daerah serta jambatan terpanjang di Asia Tenggara.

Segmen keempat pula mempamerkan, pemerintahan beraja adalah amalan negara ini dari zaman berzaman. Kita akan sentiasa mendukung sistem beraja sebagai warisan dan pemerintahan urus pentadbiran negara.

Manakala persembahan kemuncak mempamerkan persembahan, Negara Brunei Darussalam adalah negara yang makmur dan permai. Kita bernaung di bawah kemerdekaan dan kemakmuran negara. Negara ini akan tetap berdaya tahan dan berdaya saing serta mencapai dan mendukung matlamat Wawasan Brunei 2035.

**Ke muka 7**

منجاياكن واوسن نݢارا
MENJAYAKAN WAWASAN NEGARA
23 FEBRUARI 2020





LAFAZ Ikrar HK36 oleh seramai 36 peserta dibacakan dan diketuai oleh guru di Jabatan Pendidikan Kokurikulum, Muhammad Fatin Abdul Rahman bin Kifli dan Pegawai Hal Ehwal Masjid, Pengiran Ahmad Faris Ramadhani bin Pengiran Haji Sellahhuddin pula memimpin bagi laungan tiga kali takbir.





PERSEMBAHAN daripada pelajar-pelajar sekolah rendah (atas). Manakala gambar kiri, pasukan koir antara yang memeriahkan suasana sambutan tersebut.






KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika menyaksikan persembahan Tema 'Menjayakan Wawasan Negara' (atas). Manakala gambar kanan, pemandangan dari udara mengenai persembahan berkisar kemerdekaan Negara Brunei Darussalam tahun 1984 yang disambut dengan laungan takbir.





PERSEMBAHAN 'Menjayakan Wawasan Negara' melibatkan keramaian 7,336 peserta yang mewakili pelbagai sektor dan agensi pembangunan negara termasuk belia mewakili sekolah-sekolah menengah, maktab-maktab dan institusi pengajian tinggi (atas, kanan atas dan kanan bawah).



**Dari muka 6**

Terdahulu, diadakan Persembahan 'Alai Genderang' yang dijayakan oleh lebih 900 belia terdiri dari murid sekolah rendah dan menengah, Pancaragam Kadet Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dan Kadet Polis Diraja Brunei dan Pasukan Gulingtangan dari Institusi Pengajian Tinggi, Kumpulan Kelab Komuniti Belia Transformasi serta pelatih Program Khidmat Bakti Negara (PKBN).

Persembahan ini mengemblengkan bunyi-bunyian dan gerakan pilihan lagu 'Cok Kerapang' menggunakan alat musik antaranya gulingtangan, gendang, canang, hadrah dan pancaragam.

Upacara persembahan padang terus disemarakkan dan diwarnai dengan penuh gilang gemilang, sorak tawa segenap lapisan masyarakat dan penduduk di negara ini yang datang menyaksikan sambutan berkenaan terdiri dari pelbagai lapisan bangsa dan agama bagi sama-sama menzahirkan semangat patriotisme yang tinggi terhadap negara yang dicintai.





PERSEMBAHAN 'Alai Genderang' yang dijayakan oleh lebih 900 belia terdiri dari murid sekolah rendah dan menengah, Pancaragam Kadet Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dan Kadet Polis Diraja Brunei dan Pasukan Gulingtangan dari Institusi Pengajian Tinggi, Kumpulan Kelab Komuniti Belia Transformasi serta pelatih Program Khidmat Bakti Negara (PKBN).

Pelita Brunei

# Majlis Kesyukuran sempena Hari Kebangsaan NBD Ke-36



KEBAWAH DYMM Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan paduka- paduka anakanda baginda berkenan berangkat ke Majlis Kesyukuran Sembahyang Fardu Maghrib dan Isyak Berjemaah, Membaca Surah Yaa Siin dan Doa Kesyukuran sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-36 di Masjid Omar 'Ali Saifuddien, Bandar Seri Begawan.

**Oleh : Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin**
**Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid, Muhammad Asri Haji Awang Abas**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 22 Februari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Majlis Kesyukuran Sembahyang Fardu Maghrib dan Isyak Berjemaah, Membaca Surah Yaa Siin dan Doa Kesyukuran sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-36, Tahun 1441 Hijrah / 2020 Masihi yang diadakan di Masjid Omar 'Ali Saifuddien, Bandar Seri Begawan, di sini.

Berangkat sama ialah paduka-paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Wakeel.

Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia ke majlis tersebut dijunjung oleh Yang Di-Pertua Adat Istiadat Negara, Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz bin Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar; Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman; Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud; Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin, selaku Pengerusi Ahli Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Ke-36, Tahun 1441 Hijrah / 2020 Masihi; Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned dan Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar.

Kebawah DYMM kemudian berkenan menunaikan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah yang diimamkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar, yang kemudiannya memimpin Sembahyang Sunat Hajat dan bacaan Surah Yaa Siin beramai-ramai.

Doa Kesyukuran dibacakan oleh Yang Berhormat Mufti Kerajaan.

Sementara itu, azan Isyak dikumandangkan oleh Pegawai Masjid, Masjid Omar 'Ali Saifuddien, Begawan Mudim Awang Haji Metassim bin Haji Metussin dan Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah diimamkan oleh Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Paduka Setia Raja Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Suhaili bin Haji Mohiddin.

Majlis kesyukuran tersebut juga telah diadakan di semua masjid, surau dan balai ibadat seluruh negara dengan beberapa buah masjid sebagai tumpuan mengikut daerah-daerah seperti di Daerah Brunei dan Muara diadakan di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kampung Kiarong; Masjid Hassanal Bolkiah, Kampung Mentiri; Masjid Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam, Kampung Jerudong; Masjid Mohamed Bolkiah, Kampung Serusop; Masjid Sultan Sharif Ali, Mukim Sengkurong; Masjid Al-Muhtadee Billah, Kampung Sungai Kebun; Masjid Setia Ali, Pekan Muara dan Masjid Perpindahan Lambak Kanan.

Manakala di Daerah Belait pula ialah Masjid Muhammad Jamalul Alam, Kuala Belait; Masjid Rancangan Perumahan Negara Kampung Pandan, Kuala Belait dan Masjid Pekan Seria, Daerah Belait.

Sementara, di Daerah Tutong, majlis diadakan di Masjid Hassanal Bolkiah, Pekan Tutong dan bagi Daerah Temburong di Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar.





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia bersama paduka-paduka anakanda baginda berkenan menerima junjung ziarah para jemaah yang hadir pada Majlis Kesyukuran Sembahyang Fardu Maghrib dan Isyak Berjemaah, Membaca Surah Yaa Siin dan Doa Kesyukuran sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-36.





RIBUAN jemaah dari pelbagai peringkat hadir bagi sama-sama memohon kesyukuran pada Majlis Kesyukuran Sembahyang Fardu Maghrib dan Isyak Berjemaah, Membaca Surah Yaa Siin dan Doa Kesyukuran tersebut. (kiri dan atas).

# Perutusan tahniah sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Emperor Jepun







**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 23 Februari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah-titah perutusan tahniah kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Emperor Naruhito, Emperor Jepun dan kepada Perdana Menteri Jepun, Tuan Yang Terutama Shinzo Abe serta kerajaan dan rakyat Jepun sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Emperor Naruhito, Emperor Jepun.

**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menghantar titah-titah perutusan tahniah kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Emperor Naruhito, Emperor Jepun dan kepada Perdana Menteri Jepun, Tuan Yang Terutama Shinzo Abe serta kerajaan dan rakyat Jepun.**

# Berkenan menjawat perutusan tahniah sempena Hari Kebangsaan NBD Ke-36

**BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 23 Februari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menjawat beberapa perutusan tahniah yang telah disembahkan ke hadapan majlis baginda daripada Ketua-ketua Negara dan Kerajaan sempena menyambut Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-36 bagi Tahun 2020 iaitu di antaranya daripada :**

## KETUA-KETUA NEGARA



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah ibni Al-Marhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah, Yang di-Pertuan Agong Malaysia.**



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Raja Salman bin Abdulaziz Al Saud, Penjaga Dua Masjid Suci dan Raja Kerajaan Arab Saudi.**



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Queen Elizabeth II, Queen of the United Kingdom of Great Britain and Northern Ireland.**



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Raja Abdullah II Ibn Al Hussein, Raja Jordan.**



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Sultan Haitham bin Tarik, Sultan Kesultanan Oman.**



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Preah Bat Samdech Preah Boromneath Norodum Sihamoni, Raja Kemboja.**



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Raja Maha Vajiralongkorn Phra Vajiraklaochaoyuhua, Raja Thailand.**



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Raja Philippe, Raja Belgium.**



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Raja Willem-Alexander R., Raja Netherlands.**



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Raja Harald V, Raja Norway.**

# Berkenan menjawat perutusan tahniah sempena Sambutan Hari Kebangsaan Ke-36



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Raja Felipe VI, Raja Sepanyol.



PRESIDEN Emiriah Arab Bersatu, His Highness Sheikh Khalifa bin Zayed Al Nahyan.



PRESIDEN Republik Singapura, Puan Yang Terutama Halimah Yacob.



PRESIDEN Amerika Syarikat, Tuan Yang Terutama Donald J. Trump.



PRESIDEN Persekutuan Rusia, Tuan Yang Terutama Vladimir Putin.



GABENOR-JENERAL Australia, Tuan Yang Terutama General the Honourable David Hurley AC DSC (Retd).



PRESIDEN Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Xi Jinping.



PRESIDEN Republik Korea, Tuan Yang Terutama Moon Jae-in.



PRESIDEN Republik Rakyat Bangladesh, Tuan Yang Terutama Md. Abdul Hamid.



PRESIDEN Republik Islam Pakistan, Tuan Yang Terutama Dr. Arif Alvi.



PRESIDEN Republik India, Tuan Yang Terutama Ram Nath Kovind.



PRESIDEN Republik Sosialis Demokratik Sri Lanka, Tuan Yang Terutama Gotabaya Rajapaksa.



PRESIDEN Republik Turki, Tuan Yang Terutama Recep Tayyip Erdogan.



PRESIDEN Federal Republik Austria, Tuan Yang Terutama Alexander Van der Bellen.



PRESIDEN Republik Bulgaria, Tuan Yang Terutama Rumen Radev.



PRESIDEN Ireland, Tuan Yang Terutama Michael D. Higgins.



PRESIDEN Republik Persekutuan Jerman, Tuan Yang Terutama Frank-Walter Steinmeier.



PRESIDEN Republik Portugal, Tuan Yang Terutama Marcelo Rebelo de Sousa.



PRESIDEN The Swiss Confederation, Puan Yang Terutama Simonetta Sommaruga.



CHAIRMAN of the Presidency of Bosnia and Herzegovina, Tuan Yang Terutama Zeljko Komsic.

# Berkenan menjawat perutusan tahniah sempena Sambutan Hari Kebangsaan Ke-36



PRESIDEN Republik Malta, Tuan Yang Terutama George Vella.



PRESIDEN Republik Kyrgyz, Tuan Yang Terutama Sooronbai Zheenbekov.



PRESIDEN Republik Slovak, Puan Yang Terutama Zuzana Caputova.



PRESIDEN Republik Tajikistan, Tuan Yang Terutama Emomali Rahmon.



PRESIDEN Ukraine, Tuan Yang Terutama Volodymyr Zelenskyy.



PRESIDEN Republik Demokratik Rakyat Algeria, Tuan Yang Terutama Abdelmadjid Tebboune.



PRESIDEN Republik Arab Mesir, Tuan Yang Terutama Abdel Fattah Al Sisi.



PRESIDEN Republik Afrika Selatan, Tuan Yang Terutama Matamela Cyril Ramaphosa.



PRESIDEN Republik Cuba, Tuan Yang Terutama Miguel Diaz-Canel Bermudez.

## KETUA-KETUA KERAJAAN



VICE President and Prime Minister of the United Arab Emirates & Ruler of Dubai, His Highness Sheikh Mohammad bin Rashid Al Maktoum.



PERDANA Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Tun Dr. Mahathir Mohamad.



PERDANA Menteri Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Lee Hsien Loong.



PERDANA Menteri Kemboja, Tuan Yang Terutama Samdech Akka Moha Sena Padei Techo Hun Sen.



PERDANA Menteri Negara Thailand, Tuan Yang Terutama General Prayut Chan-o-cha.



PERDANA Menteri Persekutuan Rusia, Tuan Yang Terutama Mikhail Mishustin.



PERDANA Menteri Jepun, Tuan Yang Terutama Abe Shinzo.



PERDANA Menteri Republik Rakyat Bangladesh, Puan Yang Terutama Sheikh Hasina.



PERDANA Menteri Republik Islam Pakistan, Tuan Yang Terutama Imran Khan.

# Majlis Kesyukuran, Sembahyang Fardu Maghrib dan Isyak Berjemaah, Membaca Surah Yaa Siin dan Doa Kesyukuran sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-36

## DAERAH TEMBURONG

Berita dan Foto: Muhammad Akmal Haji Ali

**TEMBURONG**, Sabtu, 22 Februari. - Majlis Sembahyang Fardu Maghrib dan Isyak Berjemaah, Sembahyang Sunat Hajat, Membaca Surah Yaa Siin dan Doa Kesyukuran sempena Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-36, Tahun 2020 hari ini diadakan di Masjid Utama Muhammad Salleh, Pekan Bangar, sebagai tumpuan utama di Daerah Temburong.

Majlis dimulakan dengan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah dan seterusnya Sembahyang Fardhu Isyak Berjemaah yang telah diimamkan oleh Imam Tingkat III Masjid Utama Muhammad Salleh, Pekan Bangar, Awang Haji Md Yussof bin Haji Ahad, diikuti dengan Sembahyang Sunat Hajat.

Majlis diteruskan dengan Bacaan Surah Yaa Siin dan Doa Kesyukuran oleh Ketua Pegawai Ugama Daerah Temburong, Awang Haji Jamil bin Haji Abd Ghani.

Hadir selaku Tetamu Kehormat Majlis, Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Ekonomi), Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Dato Seri Paduka Dr. Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin.

Turut hadir, Pemangku Pegawai Daerah Temburong, Awang Mohammad Khairul Shahrul bin Haji Duahim, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu, ketua-ketua cawangan, pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan dan swasta Daerah Temburong, jemaah serta orang ramai.



**TIMBALAN Menteri Kewangan dan Ekonomi (Ekonomi), Kementerian Kewangan dan Ekonomi (tiga, kiri) hadir pada Majlis Sembahyang Fardu Maghrib dan Isyak Berjemaah, Sembahyang Sunat Hajat, Membaca Surah Yaa Siin dan Doa Kesyukuran sempena Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-36, Tahun 2020 di Masjid Utama Muhammad Salleh, Pekan Bangar.**

## DAERAH BELAIT

Oleh : Noraisah Haji Muhammed
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman



**TIMBALAN Menteri Kewangan dan Ekonomi (Fiskal), Kementerian Kewangan dan Ekonomi (lima, kiri) hadir pada Majlis Sembahyang Fardu Maghrib dan Isyak Berjemaah, Sembahyang Sunat Hajat, Membaca Surah Yaa Siin dan Doa Kesyukuran sempena Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-36, Tahun 2020 di Masjid Muhammad Jamalul Alam, Kuala Belait.**

**KUALA BELAIT**, Sabtu, 22 Februari - Masjid Muhammad Jamalul Alam, Kuala Belait menjadi tumpuan Majlis Kesyukuran Sembahyang Fardu Maghrib dan Isyak Berjemaah, Membaca Surah Yaa Siin dan Doa Kesyukuran sempena Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-36, Tahun 1441H / 2020M bagi Daerah Belait.

Hadir selaku tetamu khas pada majlis tersebut, Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Fiskal), Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abd. Rahman.

Sembahyang Fardu Maghrib dan Sunat Hajat Berjemaah diimamkan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Masjid Muhammad Jamalul Alam, Kuala Belait, Awang Akop bin Haji Lamat seterusnya memimpin membaca Surah Yaa Siin beramai-ramai.

Bagi memberkati majlis, Doa Kesyukuran telah dibacakan oleh Ketua Pegawai Ugama Daerah Belait, Awang Aliyani bin Haji Ismail.

Sejurus itu, azan Fardu Isyak dikumandangkan oleh Imam Masjid Mohammad Jamalul Alam, Kuala Belait, Awang Haji Mohd. Alias bin Bakar dan Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah diimamkan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Masjid Muhammad Jamalul Alam, Kuala Belait, Awang Akop bin Haji Lamat.

Majlis Kesyukuran sempena Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-36 juga diadakan serentak di semua masjid, surau dan balai ibadat seluruh negara dengan beberapa buah masjid sebagai tumpuan mengikut daerah-daerah.

Selain Masjid Muhammad Jamalul Alam, Kuala Belait, acara yang sama juga diungkayahkan di beberapa buah masjid lain, iaitu di Masjid RPN Kampung Pandan, Kuala Belait dan Masjid Pekan Seria, Daerah Belait.

Hadir sama pada majlis itu, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin selaku Penghulu Mukim Liang, Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput selaku Ketua Kampung Labi I; Pegawai Daerah Belait, Awang Ramlee bin Haji Jamudin, pegawai dan kakitangan kerajaan dan swasta serta penduduk di Daerah Belait.

## DAERAH TUTONG

Berita dan Foto : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

**TUTONG**, Sabtu, 22 Februari. - Sembahyang Fardu Maghrib dan Isyak Berjemaah, Membaca Surah Yaa Siin dan Doa Kesyukuran sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-36, Tahun 2020 diselenggarakan serentak di masjid-masjid, surau-surau dan balai-balai ibadat seluruh negara.

Seperti kelazimannya bersempena dengan acara kenegaraan ini, tumpuan utama bagi Daerah Tutong telah diadakan di Masjid Hassanal Bolkiah, Pekan Tutong, di sini.

Hadir selaku Tetamu Kehormat Majlis berkenaan ialah Timbalan Menteri Pembangunan, Yang Mulia Dato Seri Paduka Ar. Awang Haji Marzuke bin Haji Mohsin.

Majlis dimulakan dengan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah dan diikuti dengan Sembahyang Sunat Hajat yang diimamkan oleh Imam Masjid tersebut, Awang Sahibul Omar bin Haji Mohd. Yusof.

Bacaan Surah Yaa Siin dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Masjid Hassanal Bolkiah, Awang Mohammad Fauzi bin Haji Anuar.

Seterusnya, bacaan Doa Kesyukuran dipimpin oleh Ketua Pegawai Ugama Daerah Tutong, Awang Haji Azman bin Haji Musa.

Majlis keugamaan ini bertujuan bagi memohon ke hadrat Ilahi agar Negara Brunei Darussalam, Raja, rakyat dan penduduk serta segala isi di dalamnya, seluruh teluk rantau dan jajahannya akan terus dikurniakan keberkatan dan sentiasa terpelihara dan diberkati oleh Allah Subhanahu Wata'ala di bawah kepimpinan adil laila bijaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam turun-temurun di atas takhta singgahsana.

Negara Brunei Darussalam menyambut Hari Kebangsaan pada setiap 23 Februari dan tahun ini merupakan sambutan kali ke-36 dengan tema 'Menjayakan Wawasan Negara'.



**TIMBALAN Menteri Pembangunan (lima, kanan) hadir pada Majlis Sembahyang Fardu Maghrib dan Isyak Berjemaah, Sembahyang Sunat Hajat, Membaca Surah Yaa Siin dan Doa Kesyukuran sempena Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-36, Tahun 2020 di Masjid Hassanal Bolkiah, Tutong.**




# ممقرتاهنكن مهكوتا بڠسا

جماعه يڠ درحمتي الله،

برتقوى له كيت كڤد الله سبحانه وتعالى دڠن سبنر-بنر تقوى يايت دڠن منيڠكتكن كإيمانن كڤدڽ. سسڠڬوهڽ اورڠ يڠ ڤاليڠ مليا دسيسي الله سبحانه وتعالى اياله اورڠ يڠ ڤاليڠ برتقوى. مدهمداهن كيت منجادي إنسان يڠ سنتياس مڠايڠتي الله سبحانه وتعالى، برأوله كحيأن دان كسلامتن ددنيا دان جوڬ دأخيرة.

جماعه يڠ درحمتي الله،

الحمدلله، برشكور كيت كحضرة الله سبحانه وتعالى كران دڠن إذنڽ جوا، كيت برڤلواڠ لاڬي أنتوق ميمبوت أولڠتاهون هاري كبڠسأن نڬارا بروني دارالسلام يڠ كـ-٣٦ دالم سواسان نڬارا كيت أمان، دامي دان سجهترا. سلاكو رعية دان ڤندودوق دنڬارا اين، كيت أمة برتواه كران داڤة مراساكن نعمة كأمانن، كسجهترأن دان كمعمورن هيدوڤ دبومي دارالسلام يڠ ترچينتا اين.

سموا اين اداله دڠن إذن دان كورنيا الله سبحانه وتعالى جوا دان أتس كبيجقسنأن كڤيمڤينن راج كيت يڠ سنتياس برڤڬڠ تڬوه دڠن أجارن أڬام إسلام دان منجاديكن أڬام إسلام ايت سباڬي أساس كهيدوڤن برمشاركة دان برنڬارا. دڠن دمكين منجاديكن بومي دارالسلام اين تروس-منروس برهياس دڠن بركة ماله كبركتن يڠ مڠهياسي بروني ايت داڤة دكسن ملالوءي سڬل أسڤيك، تراوتامڽ دالم أسڤيك كهيدوڤن يايت سماڠة ڤرڤادوان يڠ تيڠڬي دكالڠن رعية دان ڤندودوقڽ يڠ بربيلڠ بڠسا دان أڬام تنڤا برلاكوڽ سبارڠ ڤركادوهن اتوڤون ڤرتليڠكهن.

كتهويله، أڬام كيت ساڠة مڠڬالقكن أومتڽ انتوق سنتياس برڤڬڠ تڬوه دڠن تالي اتو أڬام الله باڬي مڠهيندركن دري برلاكوڽ ڤرتلاڬهن دان ڤرڤچاهن دالم كالڠن مشاركة دان نڬارا. ڤرمان الله سبحانه وتعالى دالم سورة آل عمران أية ١٠٣:

أَعُوذُ بِٱللَّهِ مِنَ ٱلشَّيْطَٰنِ ٱلرَّجِيمِ

وَٱعْتَصِمُوا۟ بِحَبْلِ ٱللَّهِ جَمِيعًا وَلَا تَفَرَّقُوا۟ ... ﴿١٠٣﴾

صَدَقَ ٱللَّهُ ٱلْعَظِيم

تفسيرڽ:

**دان برڤڬڠ تڬوهله كامو كڤد تالي (أڬام) الله دان جاڠنله كامو برچراي-براي،**

جماعه يڠ درحمتي الله،

الحمدلله، كمرديكأن يڠ تله كيت چاڤاي سجق تيڬ ڤولوه أنم تاهون ايت، واجب تروس كيت ڤرتاهنكن دان جاڬ دڠن بايك، كران كمرديكأن اداله مروڤاكن سبهاڬين دري سجاره بڠسا دان اي اداله مهكوتا بڠسا يڠ منجادي أساس كڤد كدولتن نڬارا. إيڠتله، جك كيت منجوايكن كمرديكأن يڠ تله كيت كچاڤاي دان ميليكي اين، اي برمعنى كيت تله منجوايكن سجاره سكالي ڬوس ميمباراناكن ( MENYAMBARANAKAN ) مهكوتا بڠسا.

مسڠڬوهڽ ڤرجواڠن دالم مڠمباليكن مهكوتا بڠسا اين بوكنله سسوات يڠ موده. اوله ايت، كيت سلاكو بڠسا بروني ڤرلو مڠحياتي دان منوليه كبلاكڠ أنتوق مڠتهوي سجاره منچاڤاي كمرديكأن اين انتوق مڠتهوي ليكو٢ ڤرجواڠن كنراسي تردهولو يايت برداسركن كچينتأن مريك ترهادڤ أڬام، نوسا دان بڠسا. اين كران، درڤد سجاره كيت برمولا دان درڤد سجاره جوڬ كيت ملاكر نام. دمكينله هيبتڽ سجاره. اوله ايت، سلاكو أنق وَطَن دان بڠسا بروني يڠ مرديكا، كيت كالس دان جاوت أمانه سرت تڠڬوڠجواب يڠ بسر دان برت اين، بوكن سهاج ستاكت مميليهارا دان مڠكلكن مهكوتا بڠسا بروني بهكن جوڬ انتوق تروس برأوسها ممباڠون نڬارا باڬي منچاڤاي واواسن بروني ٢٠٣٥.

أوله يڠدمكين كأره منچاڤاي دان ممستيكن واواسن ترسبوت داڤة دچاڤاي دڠن جاين، كيت هندقله منانمكن سماڠة چينتاكن أڬام، راج دان بڠسا، برساتو ڤادو دان برساتو هاتي انتوق طاعة ستيا كڤد راج دان نڬارا، منجونجوڠ تيڠڬي أڬام إسلام دڠن ڤنوه إلتيزام. ستيڤ رعية دان ڤندودوق دبومي دارالسلام يڠ برتواه اين ڤرلو برسام-سام بركنديڠ باهو مڠمبليڠ تناڬ، مڠمبيل ڤرانن دان منجاديكن ديري مريك سباڬي أسيت يڠ برڬونا دالم أوسها انتوق ممباڠونكن نڬارا باڬي منچاڤاي متلامة واواسن ٢٠٣٥. درڤد أبو موسى الأشعري رضي الله عنه، رسول الله ﷺ برسبدا:

**اَلْمُؤْمِنُ لِلْمُؤْمِنِ كَالْبُنْيَانِ يَشُدُّ بَعْضُهُ بَعْضًا وَشَبَّكَ بَيْنَ أَصَابِعِه**

**{رواه الإمام البخاري }**

**مقصودڽ:**

**مؤمن يڠ ساتو دڠن يڠ لاينڽ باڬيكن سبواه باڠونن يڠ ساليڠ ممڤرقواة انتارا سبهاڬين دڠن سبهاڬين يڠ لاينڽ. (رسول الله ﷺ ممبيل مماسوقكن جاري٢ تاڠن كجاري- جاري لاينڽ).**

جماعه يڠ درحمتي الله،

جاڠنله دبياركن واواسن نڬارا 2035 يڠ إيڠين كيت چاڤاي ايت سباڬي ساتو أوچاڤن اتو ريستأن سمات-مات، يڠ جوما إينده دالم سبوتن سهاج. اكن تتاڤي كيت مستي لبه تڠكس ملقسناكنڽ دڠن ڤنوه كوميتمن دان إلتيزام باڬي مڠحاصلكن إمڤق يڠ تيڠڬي يڠ بوله ميومبڠ كڤد كماجوان دان كمعمورن نڬارا. دسمڤيڠ ايت، كيت هندقله ممستيكن بهوا ستيڤ أوسها يڠ دبوات اداله سجارا موافقة، ريليبن دان منڤتي ڤرايدرن ماس. اينله رهسيا اتو كونچي كحيأن باڬي واواسن نڬارا ٢٠٣٥.

سلاكو رعية دان ڤندودوق يڠ برناوڠ ددالم نڬارا يڠ مرديكا لاڬي بردولة اين، كيت اداله دتونتوت انتوق ممبيبسكن ديري درڤد سڬل سيكڤ يڠ مروڬيكن سڤرت سيكڤ سوك برڤلوق توبوه، چولسْ دان كتاندوسن سماڠة ڤاتريوتيك.

دالم تيمڤوه ٣٦ تاهون نڬارا كيت منچاڤاي كمرديكأن، ڤلباڬي أونق دان رنجاو يڠ تله كيت تمڤوهي انتوق برچاي، حاصلڽ، ڤد هاري اين، كيت ممڤو برديري سام تيڠڬي دڠن نڬارا٢ لاين ددنيا، دان ڤد هاري اين جوڬ، كيت برديري سباڬي سبواه بڠسا يڠ مرديكا دان نڬارا يڠ بردولة.

مسڠڬوهڽ سموا اين داڤة كيت چاڤاي دڠن إذن الله سبحانه وتعالى جوا دان أتس كبيجقسنأن كڤيمڤينن كباوه دولي يڠ مها مليا ڤادوك سري بڬندا سلطان حاج حسن البلقية معزالدين والدولة ابن المرحوم سلطان حاج عمر على سيف الدين سعد الخير والدين سلطان دان يڠ دڤرتوان نڬارا بروني دارالسلام يڠ بروبياوا، برواواسن، برإنتيڬريتي دان برأسسكن جالق بروني يڠ ترسنديري.

كتهويله، كأمانن هيدوڤ دان كأمانن برنڬارا ايت اكن لبه بركسن اڤبيل رعية دان ڤندودوق دسسبواه نڬارا ايت سنتياس مڠايڠتي الله سبحانه وتعالى. اوله ايت، باڬي ممڤرتاهنكن مهكوتا بڠسا بروني يڠ ترچينتا اين دان باڬي منظاهيركن راس شكور كيت كحضرة الله سبحانه وتعالى أتس ليمڤه رحمة دان نعمة كمرديكأن اين، برسمڤنا دڠن هاري كبڠسأن نڬارا بروني دارالسلام يڠ كـ-٣٦ تاهون اين.

ماريله كيت برامي-رامي حاضر كمسجد-مسجد، سوراو٢ دان بالي٢ عبادة دسلوروه نڬارا يايت **ڤد ڤتڠ إيسوق هاري سبت، ٢٨ جمادي الأخير ١٤٤١ هجرة برسمأن دڠن ٢٢ فيبرواري ٢٠٢٠ مسيحي** باڬي سام٢ منونيكن سمبهيڠ فرض مغرب برجماعه، ممباچ سورة يس دان دعاء كشكوران دڠن تومڤوان أوتام دمسجد عمر على سيف الدين، بندر سري بڬاوان. مدهمداهن دڠن دعاء يڠ كيت ڤنجتكن كحضرة الله سبحانه وتعالى نڬارا كيت تتڤ ككل منجادي سبواه نڬارا يڠ مرديكا لاڬي بردولة دان منجادي سبواه نڬارا "**بَلْدَةٌ طَيِّبَةٌ وَرَبٌّ غَفُورٌ**" يايت نڬارا يڠ امان معمور دان توهن يڠ مها ڤڠأمڤون. آمين يا رب العالمين.

أَعُوذُ بِٱللَّهِ مِنَ ٱلشَّيْطَٰنِ ٱلرَّجِيمِ

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ ٱذْكُرُوا۟ ٱللَّهَ ذِكْرًا كَثِيرًا ﴿٤١﴾ وَسَبِّحُوهُ بُكْرَةً وَأَصِيلًا

﴿٤٢﴾ هُوَ ٱلَّذِى يُصَلِّى عَلَيْكُمْ وَمَلَٰٓئِكَتُهُۥ لِيُخْرِجَكُم مِّنَ ٱلظُّلُمَٰتِ

إِلَى ٱلنُّورِ ۚ وَكَانَ بِٱلْمُؤْمِنِينَ رَحِيمًا ﴿٤٣﴾

صَدَقَ ٱللَّهُ ٱلْعَظِيم

{ سورة الأحزاب أية: ٤١-٤٣}

تفسيرڽ:

**واهي اورڠ٢ يڠ برإيمان! برذكرله مڠايڠة الله دڠن ذِكِر يڠ سباڽق-باڽقڽ. دان برتسبيح له كڤداڽ ڤد وقت ڤاڬي دان ڤتڠ. دياله يڠ مڠورنياكن رحمة كڤد كامو دان ملائكة-ملائكتڽ ڤول (بردعاء مموهونكن أمڤون باڬي كامو) انتوق مڠلواركن كامو درڤد ككلاڤن٢ (كفور) كڤد چهيا (إيمان). دان دي اداله مها ڤڠاسيه كڤد اورڠ٢ يڠ برإيمان.**

**بَارَكَ اللهُ لَنَا فِى الْقُرْءَانِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنَا بِالْأَيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ. وَتَقَبَّلَ مِنَّا تِلاَوَتَهُ إِنَّهُ هُوَالسَّمِيعُ الْعَلِيم، وَأَسْتَغْفِرُاللهَ الْعَظِيمَ لِى وَلَكُمْ وَلِسَآئِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَانَجَاةَ التَّآئِبِينَ.**

# IKLAN JAWATAN KOSONG DALAM PERKHIDMATAN AWAM

MAKLUMAT LANJUT MENGENAI DENGAN SYARAT-SYARAT KELAYAKAN SERTA HURAIAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BAGI JAWATAN-JAWATAN KOSONG SILA LAYARI
**www.recruitment.gov.bn**

**PERATURAN 7(A)**
**BILANGAN IKLAN 15/02/20 (SPA/BIKL)**
Dibukakan kepada orang ramai dan pegawai-pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

**TARIKH IKLAN : 24 FEBRUARI 2020**
**TARIKH TUTUP : 09 MAC 2020**

1. **JURUTERA (MEKANIKAL & ELEKTRIKAL)**
   **B.2 EB.3 (BAHAGIAN II)**
   KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA
   **KEKOSONGAN = SATU (01)**
   **2020/008/02**

**RALAT**
**MAKLUMAN PEMBETULAN IKLAN KELUARAN 22 FEBRUARI 2020**

**PERATURAN 7(A)**
**BILANGAN IKLAN 14/02/20 (SPA/BIKL)**
Dibukakan kepada orang ramai dan pegawai-pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

**TARIKH IKLAN : 22 FEBRUARI 2020**
**TARIKH TUTUP : 07 MAC 2020**

1. **PEGAWAI PELAJARAN**
   **G.13 (BAHAGIAN II)**
   KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA
   **KEKOSONGAN = TIGA (03)**
   **2020/008/10**

**UNTUK MENGETAHUI MENGENAI:**

Syarat-Syarat Am, Tatacara Permohonan dan juga lain-lain maklumat sila kunjungi ruangan Quicklinks dan FAQ's di
**www.recruitment.gov.bn**

Sebarang pertanyaan mengenai keputusan-keputusan *shortlisting*, hal ehwal ujian dan temuduga hendaklah menghadapkan ke Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam melalui e-mel **query@spa.gov.bn**

---

**KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA**

1. PERKHIDMATAN CUBE STORE KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA, KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM BAGI TEMPOH TIGA (03) TAHUN

2. PERKHIDMATAN GROCERY STORE KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA, KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM BAGI TEMPOH TIGA (03) TAHUN

TARIKH TUTUP :
Rabu, 16 Rejab 1441H / 11 Mac 2020M, jam 2.00 Petang.

---

**KEMENTERIAN PERTAHANAN**

TAWARAN NO. :
JPPK / LTK / 06 / 2020

REMEDIAL WORKS TO SLOPE EROSION TO WATER TANK AREA AT BANGAR CAMP

BAYARAN TAWARAN :
BND10.00 (tidak dikembalikan)

TARIKH TUTUP:
Selasa, 3 Mac 2020,
tidak lewat jam 2.00 Petang

---

**KEMENTERIAN PERTAHANAN**

TAWARAN NO. :
JPPK / LTK / 07 / 2020

SUPPLY OF CRUSHER RUN FOR JALAN-JALAN UTAMA DAN JALAN-JALAN DI PADANG TEMBAK BINTURAN

BAYARAN TAWARAN :
BND30.00
(tidak dikembalikan)

TARIKH TUTUP :
Selasa, 3 Mac 2020,
tidak lewat jam 2.00 Petang

---

**UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI**

UNISSA / SB0038 / 2019 / 2020 - PENYEWAAN RUANG KAWASAN BAGI PENYEDIAAN PERKHIDMATAN PERNIAGAAN MESIN AIR MINUMAN DAN MAKANAN RINGAN (VENDING MACHINE) DI UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI (UNISSA) BAGI TEMPOH DUA (02) TAHUN

TARIKH TUTUP :
RABU, 26 FEBRUARI 2020,
JAM 2.00 PETANG

**KOLEJ UNIVERSITI PERGURUAN UGAMA SERI BEGAWAN**
**KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA**

**IKLAN JAWATAN KOSONG**

**KOLEJ UNIVERSITI PERGURUAN UGAMA SERI BEGAWAN**

**KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**Syarat-syarat Am**

a) PEMOHON mestilah terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

b) Pemohon mempunyai pengetahuan tentang kerasmian Agama Islam, Adat Istiadat Negara, adat resam dan kebudayaan orang-orang Melayu Brunei dan perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.

c) Cara permohonan rujuk di ruang **PEMBERITAHUAN.**

**PERATURAN 38 (b)**

Dibukakan kepada pegawai-pegawai dan kakitangan / tenaga-tenaga akademik tempatan yang sedang berkhidmat dengan Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Jabatan-jabatan di bawahnya, yang memenuhi Syarat-syarat Kelayakan atau kriteria-kriteria yang dikehendaki bagi jawatan tersebut.

**1. JAWATAN : Penolong Profesor**

**2. BAHAGIAN : II**

**3. TANGGA GAJI : PT2 (BND3,880.00 - BND4,000.00 - BND4,120.00 - BND4,360.00 EB KHAS BND4,480.00 - BND4,600.00 - BND4,720.00 - BND4,840.00 - BND4,960.00)**

**ATAU**

**PT2A (BND4,480.00 - BND4,600.00 BND4,720.00 - BND4,840.00 BND4,960.00 BND5,080.00 - BND5,200.00 - BND5,400.00 EB KHAS BND5,610.00)**

**4. KEKOSONGAN JAWATAN : 1 Kekosongan**

**5. SYARAT-SYARAT KELAYAKAN :**

**BAGI TANGGA GAJI PT2**

a) i. Sebagai keperluan utama, mestilah mempunyai Ijazah Sarjana Muda (sekurang-kurangnya kelas dua atas) DAN Ijazah Sarjana (peringkat *distinction* sebagai kelebihan) DAN Ijazah Falsafah Kedoktoran (Ph.D) atau yang sebanding dalam bidang yang bersesuaian dari universiti / fakulti universiti / pusat pengajian universiti yang diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam (selepas ini dipanggil Kerajaan) dan terkemuka sebagai kelebihan.

Bagi yang tidak mempunyai Ijazah Sarjana, keperluan adalah tertakluk kepada tahap Ijazah Sarjana Muda (Kelas Pertama sebagai kelebihan) dari universiti/fakulti universiti / pusat pengajian universiti yang diiktiraf oleh Kerajaan dan terkemuka sebagai kelebihan di mana calon menjalani kursus Ph.D dan kualiti pencapaian Ijazah Falsafah Kedoktoran (Ph.D).

ii. Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan dan telah ditetapkan dalam jawatan Pensyarah di dalam tangga gaji PTIA selama tidak kurang dari empat (4) tahun;

**ATAU**

Telah berkhidmat dengan Pusat-Pusat Pengajian Tinggi dalam dan luar negeri termasuk bukan Kerajaan yang diiktiraf oleh Kerajaan di dalam jawatan sebanding dengan jawatan Penolong Profesor atau jawatan sebanding dengan penugasan *substantive* mengajar dan menyelidik di dalam tempoh sekurang-kurangnya lima (5) tahun.

iii. Menunjukkan potensi tinggi untuk maju di dalam pengajaran, penyelidikan, kebolehan di dalam penulisan akademik dan perkhidmatan kepada umum.

**BAGI TANGGA GAJI PT2A**

b. i. Sebagai keperluan utama, mestilah mempunyai Ijazah Sarjana Muda (sekurang-kurangnya kelas dua atas) DAN Ijazah Sarjana (peringkat *distinction* sebagai kelebihan) DAN Ijazah Falsafah Kedoktoran (Ph.D) atau yang sebanding dalam bidang yang bersesuaian dari universiti / fakulti universiti / pusat pengajian universiti yang diiktiraf oleh Kerajaan dan terkemuka sebagai kelebihan.

Bagi yang tidak mempunyai Ijazah Sarjana, keperluan adalah tertakluk kepada tahap Ijazah Sarjana Muda (Kelas Pertama sebagai kelebihan) dari universiti / fakulti universiti / pusat pengajian universiti yang diiktiraf oleh Kerajaan dan terkemuka sebagai kelebihan di mana calon menjalani kursus Ph.D dan kualiti pencapaian Ijazah Falsafah Kedoktoran (Ph.D).

ii. Memenuhi kriteria-kriteria berikut :

- Mempunyai pengalaman yang cukup lama sebagai tenaga akademik di Pusat-Pusat Pengajian Tinggi yang diiktiraf oleh Kerajaan dan terkemuka sebagai kelebihan dan memegang jawatan yang sebanding dengannya;

- Mempunyai rekod dan reputasi cemerlang dalam pengajaran dan penyelidikan;

- Telah memegang jawatan yang sebanding dengannya bagi tempoh yang bersesuaian;

- Di bidang penyelidikan TELAH MULA menghasilkan tulisan-tulisan akademik yang diterbitkan di dalam *refereed journal* atau sumbangan bab atau *chapter* di dalam buku-buku akademik atau menghasilkan kertas-kertas akademik bagi seminar / persidangan serantau / antarabangsa atau menerbitkan buku akademik;

- Pernah menyelia tesis Ijazah Sarjana sebagai satu kelebihan;

- Pernah memegang jawatan-jawatan sebagai Ketua Jabatan atau Penolong Ketua Jabatan atau Penolong Dekan atau jawatan yang berkaitan dengan rekod prestasi sekurang-kurangnya sangat baik sebagai kelebihan.

c) Berumur tidak melebihi 40 tahun adalah satu kelebihan.

d) Mestilah mempunyai Laporan Penilaian Prestasi sekurang-kurangnya di tahap yang SANGAT BAIK bagi tempoh 3 tahun kebelakangan.

**PEMBERITAHUAN**

1. Penggunaan Borang KUPU SB/P1 serta keterangan lanjut boleh diperoleh di Pejabat Pendaftar, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan atau melayari laman sesawang : *www.kupu-sb.edu.bn.*

2. Pemohon hendaklah melengkapkan borang KUPU SB/P1 dan menyertakan salinan-salinan Surat Beranak, Kad Pintar, Surat-Surat Akuan, sijil-sijil yang berkenaan, sekeping gambar berukuran pasport dan dihantar ke alamat berikut :

**PENDAFTAR**
**KOLEJ UNIVERSITI PERGURUAN UGAMA SERI BEGAWAN**
**KM 2, JALAN RAJA ISTERI PENGIRAN ANAK SALEHA,**
**BANDAR SERI BEGAWAN, BA2111**
**NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**
**Telefon : (+673) 2236277**
**Faks : (+673) 2225226**

**Tarikh Tutup Iklan :**
**ISNIN, 16 MAC 2020**

Rujukan Iklan : KUPU SB/PJW/02/2020

---

**JABATAN KERJA RAYA**
**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**NOTIS JUALAN LELONG SECARA TERTUTUP**

**TARIKH MULA :**
**25 FEBRUARI 2020 (SELASA)**

**TARIKH MELIHAT, MENGAMBIL DAN MENGHANTAR BORANG TAWARAN (WAKTU BEKERJA) :**
**25 FEBRUARI 2020**
**HINGGA 3 MAC 2020**

**ISNIN HINGGA KHAMIS**
**8.30 PAGI HINGGA 11.30 PAGI**
**1.30 PETANG HINGGA 3.00 PETANG**

**SABTU**
**8.30 PAGI HINGGA 10.30 PAGI**
**PETANG : TUTUP**

**TARIKH TUTUP MENGHANTAR BORANG TAWARAN KE DALAM PETI TAWARAN :**
**4 MAC 2020**
**SEBELUM JAM 9.00 PAGI (RABU)**

**(MEMBUKA PETI TAWARAN)**

**LOT DAN KETERANGAN :**
**LOT 1 - 1,025 UNIT**
**PERABOT (SEKOLAH & PEJABAT) DAN PERKAKAS ELEKTRIK**

**LOT 2 - 64 UNIT**
**- PERALATAN / PERKAKAS BOMBA**
**- PERALATAN MESIN RUMPUT, WATER PUMP DAN AMPERE CHARGER**
**- ALAT SUKATAN DAN TIMBANGAN**
**- PERKAKAS PADANG**
**- MAIN SWITCHBOARD**

**LOT 3 - 115 UNIT**
**PENGHAWA DINGIN DAN ALAT GANTI PENGHAWA DINGIN (COMRESSOR DAN BUTTERFLY VALVE)**

**BERTEMPAT :**
**KAWASAN TEMPAT PENYIMPANAN BESI BURUK KERAJAAN, J.K.R SINARUBAI**

---

**KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI**

KERAJAAN Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sukacita menjemput pemohon-pemohon yang berkelayakan untuk mengisi jawatan kosong di Bahagian Pelaburan, Kementerian Kewangan dan Ekonomi.

**SYARAT-SYARAT KELAYAKAN**

(i) Pemohon terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

(ii) Mempunyai Ijazah Sarjana Muda daripada institusi yang diiktiraf oleh Kementerian Pendidikan, Brunei Darussalam dalam bidang Perakaunan/ Kewangan atau bidang yang berkaitan.

(iii) Mempunyai kelulusan profesional di taraf ACCA, CPA, CFA dan yang sebanding dengannya adalah menjadi satu kelebihan tambahan.

(iv) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.

(v) Mempunyai kemahiran dalam pengumpulan data analisis yang baik serta mahir dalam penulisan laporan.

(vi) Fasih dalam lisan dan penulisan Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.

(vii) Berkemahiran dalam penggunaan Microsoft Office iaitu Ms Word, Excel, Powerpoint dan sebagainya.

**JAWATAN : PEGAWAI**
**Tugas dan Tanggungjawab :**

1. Mengesahkan transaksi dan melaksanakan tugasan-tugasan perakaunan secara harian.
2. Menghasilkan laporan kewangan secara harian dan *ad hoc* dengan menggunakan sistem manual atau secara *computerised* seperti yang dikehendaki.
3. Membuat analisis dan memahami transaksi perakaunan untuk tujuan pengesahan.
4. Menyiasat sebarang *discrepancies* dan membuat cadangan untuk penyelarasan atau pindaan perakaunan.
5. Mengumpul maklumat untuk digunakan dalam penyelidikan dan analisis untuk memberi nasihat dan bantuan bagi sebarang isu perakaunan di Bahagian Pelaburan.
6. Membantu Ketua Unit dalam penyediaan dan cadangan dasar perakaunan untuk dihadapkan kepada pihak pengurusan.
7. Menyelaras audit tahunan dan mengendalikan pertanyaan-pertanyaan daripada pihak audit.
8. Meningkatkan pemahaman yang mendalam terhadap dasar *settlement*, prosedur dan tatacara di Bahagian Pelaburan untuk menjadi lebih kompeten bagi melaksanakan tugas yang diamanahkan.
9. Melaksanakan tugas-tugas yang lain yang akan diarahkan dari semasa ke semasa.

Pemohon-pemohon yang berminat mestilah menyertakan keterangan berikut :

1. Borang Permohonan yang lengkap boleh didapati melalui laman sesawang *www.mofe.gov.bn* atau melalui e-mel di *recruitment@mofid.gov.bn*.
2. Ringkasan esei mengenai **What do I hope to accomplish in 10 years time?** (500 perkataan).
3. A Full Resume.

**Bahagian Pelaburan**
**Bangunan Kementerian Kewangan dan Ekonomi**
**Tingkat 6, Commonwealth Drive**
**Bandar Seri Begawan, BB3910**
**Negara Brunei Darussalam.**

Permohonan yang lengkap mesti dikembalikan ke alamat di atas sebelum **jam 4.00 Petang, Jumaat (28 Februari 2020).**

Nota : Permohonan yang tidak lengkap tidak akan dilayan dan hanya calon-calon yang disenarai pendek akan dihubungi.

**MAHKAMAH TINGGI**
**NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**DI DALAM MAHKAMAH PEGAWAI WARIS BANDAR SERI BEGAWAN**

**SURAT KUASA PUSAKA :**
**NO. LA / BSB / 572 / 2019**

KENYATAAN

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **AK. MOHD. SAHROL SAH @ AK. MOMIN BIN PG. BAKAR** kerana minta Surat Kuasa pentadbir kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **PENGIRAN FATIMAH BINTI PENGIRAN HAJI OMARALI** yang telah meninggal dunia di NEGARA BRUNEI DARUSSALAM dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **ANAK** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam MAHKAMAH BANDAR SERI BEGAWAN pada **25 FEBRUARI 2020, jam 9.00 Pagi.**

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 2 Januari 2020.

**SURAT KUASA PUSAKA :**
**NO. LA / BSB / 573 / 2019**

KENYATAAN

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **HJH. MASNIAH BINTI HAJI ZAINAL** kerana minta Surat Kuasa pentadbir kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **HAJAH SITI ZAUYAH BINTI AWANG PUKUL** yang telah meninggal dunia di NEGARA BRUNEI DARUSSALAM dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **ANAK PEREMPUAN** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam MAHKAMAH BANDAR SERI BEGAWAN pada **25 FEBRUARI 2020, jam 9.00 Pagi**.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 2 Januari 2020.

**SURAT KUASA PUSAKA :**
**NO. LA / BSB / 574 / 2019**

KENYATAAN

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **TAN KOH HUAT** kerana minta Surat Kuasa pentadbir kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **CHAI LUKE YUN** yang telah meninggal dunia di NEGARA BRUNEI DARUSSALAM dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **SUAMI** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam MAHKAMAH BANDAR SERI BEGAWAN pada **25 FEBRUARI 2020, jam 9.00 Pagi.**

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 2 Januari 2020.

**SURAT KUASA PUSAKA :**
**NO. LA / BSB / 575 / 2019**

KENYATAAN

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **NORHADINA BINTI HALUS** kerana minta Surat Kuasa pentadbir kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **SUZAINI BIN HAJI NAIM** yang telah meninggal dunia di NEGARA BRUNEI DARUSSALAM dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **ISTERI** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam MAHKAMAH BANDAR SERI BEGAWAN pada **25 FEBRUARI 2020, jam 9.00 Pagi**.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 2 Januari 2020.

**SURAT KUASA PUSAKA :**
**NO. LA / BSB / 576 / 2019**

KENYATAAN

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **DAYANG NUR RABIATUTADAWIAH BINTI JUHAN** kerana minta Surat Kuasa pentadbir kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **DEDY HERMAN BIN HUSSIN** yang telah meninggal dunia di NEGARA BRUNEI DARUSSALAM dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **ISTERI** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam MAHKAMAH BANDAR SERI BEGAWAN pada **25 FEBRUARI 2020, jam 9.00 Pagi.**

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 2 Januari 2020.

**SURAT KUASA PUSAKA :**
**NO. LA / BSB / 577 / 2019**

KENYATAAN

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **LAU LEE KONG** kerana minta Surat Kuasa pentadbir kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **HII SIU ING** yang telah meninggal dunia di NEGARA BRUNEI DARUSSALAM dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **ANAK** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam MAHKAMAH BANDAR SERI BEGAWAN pada **25 FEBRUARI 2020, jam 9.00 Pagi**.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 2 Januari 2020.

**SURAT KUASA PUSAKA :**
**NO. LA / BSB / 578 / 2019**

KENYATAAN

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **HJ. ALI BIN HJ. MOHAMAD YAAKUB** kerana minta Surat Kuasa pentadbir kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **HAJAH INTAN BINTI DOLLAH** yang telah meninggal dunia di NEGARA BRUNEI DARUSSALAM dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **ANAK** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam MAHKAMAH BANDAR SERI BEGAWAN pada **25 FEBRUARI 2020, jam 9.00 Pagi**.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 2 Januari 2020.

**SURAT KUASA PUSAKA :**
**NO. LA / BSB / 579 / 2019**

KENYATAAN

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **HAZLENA BINTI HAJI ABDUL KAHAR** kerana minta Surat Kuasa pentadbir kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **AWANG MOHD. FAIZAL RIDZA BIN ABDULLAH (ALIAS) CHEW KONG SENG** yang telah meninggal dunia di NEGARA BRUNEI DARUSSALAM dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **ISTERI** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam MAHKAMAH BANDAR SERI BEGAWAN pada **25 FEBRUARI 2020, jam 9.00 Pagi**.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 2 Januari 2020.

**SURAT KUASA PUSAKA :**
**NO. LA / BSB / 580 / 2019**

KENYATAAN

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **SHELLEN KOH YI TIAN** kerana minta Surat Kuasa pentadbir kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **KOH HAN CHUAN** yang telah meninggal dunia di NEGARA BRUNEI DARUSSALAM dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **ANAK PEREMPUAN** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam MAHKAMAH BANDAR SERI BEGAWAN pada **25 FEBRUARI 2020, jam 9.00 Pagi**.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 2 Januari 2020.

**SURAT KUASA PUSAKA :**
**NO. LA / BSB / 581 / 2019**

KENYATAAN

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **MOHAMMAD KAISAN BIN HAJI LUDIN** kerana minta Surat Kuasa pentadbir kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **SAPAH BINTI HAJI AMAU** yang telah meninggal dunia di NEGARA BRUNEI DARUSSALAM dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **ANAK SAUDARA LELAKI** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam MAHKAMAH BANDAR SERI BEGAWAN pada **25 FEBRUARI 2020, jam 9.00 Pagi**.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 2 Januari 2020.

**SURAT KUASA PUSAKA :**
**NO. LA / BSB / 582 / 2019**

KENYATAAN

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **DAYANGKU HAJAH JABAIDAH BINTI PENGIRAN HAJI SULAIMAN** kerana minta Surat Kuasa pentadbir kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **DAYANG ZALIHA BINTI PENGIRAN HAJI SULAIMAN** yang telah meninggal dunia di NEGARA BRUNEI DARUSSALAM dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **ANAK PEREMPUAN** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam MAHKAMAH BANDAR SERI BEGAWAN pada **25 FEBRUARI 2020, jam 9.00 Pagi**.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 2 Januari 2020.

**SURAT KUASA PUSAKA :**
**NO. LA / BSB / 519 / 2020**

KENYATAAN

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **EFRILYN ENRIQUEZ SMITH** kerana minta Surat Kuasa pentadbir kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **GERALD WALLACE ALLAN** yang telah meninggal dunia di NEGARA BRUNEI DARUSSALAM dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **ISTERI** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam MAHKAMAH BANDAR SERI BEGAWAN pada **10 MAC 2020, jam 9.00 Pagi.**

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 6 Februari 2020.

**(MAHMUD ZUHDI BIN KARIM )**
Pemangku Penolong Pegawai Waris
b.p. Penolong Pegawai Waris
Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan
Negara Brunei Darussalam.

**KES NO. BCY / CP / 59 / 2019**

**BANK ISLAM BRUNEI DARUSSALAM BERHAD**
- Pemiutang / Pemetisyen

**MOHAMMAD ASSRUL BIN MOHD. ALI**
(BYIC No. 00-318533)
- Penghutang / Penentang

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG TENTANG PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **5 DISEMBER 2019**.

Notis adalah diberikan bahawa perjumpaan pertama bagi pemiutang-pemiutang dalam perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1, Bilik (R1-) Mahkamah Besar pada **5 Mac 2020,** jam **10.00 Pagi.**

Bagi membolehkan kamu mengundi dalam perjumpaan itu, bukti kamu mestilah disampaikan kepada saya tidak lewat daripada 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi yang hendak digunakan dalam perjumpaan itu, bukti kamu mestilah disampaikan kepada saya tidak lewat daripada 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam terhadap Penghutang telah ditetapkan pada **5 Mac 2020**, jam **10.00 Pagi**.

Mana-mana pemiutang yang telah memberikan bukti, atau wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, boleh menyoal penghutang dalam pemeriksaan awam baginya berhubung dengan hal ehwalnya dan sebab-sebab kegagalannya.

Bertarikh : 4 Februari 2020

**NUR ELEANA**
**BINTI DP HAJI HAIROL ARNI**
Timbalan Pegawai Penerima Rasmi
Mahkamah Besar

# PUISI

## Ini Bumi Kita (Brunei Darussalam)

Ini bumi kita
Turun temurun milik kita
Dari dulu hak kita
Kepadanya ditumpahkan kasih dan sayang
Deminya kita bersumpah
Deminya kita berikrar
Menjaganya, memeliharanya, mempertahankannya.

Tiada lagi bumi lain
Cinta dan kasih kita
Tidak juga kepada yang lain
Hanya satu - tidak dua
Kenapa lagi merasa bimbang
Kenapa lagi berhati walang.

Ini bumi kita
Raja-raja kita memerintah
Silih berganti
Menata menjana nama
Menjulang hingga terbilang
Daulatnya tersuhur
Seantero dunia
Merentas batas
Melewati tanjung
Melangkahi bukit dan gunung.

Di bumi ini
Panglima dan Perwira
Mencurah tenaga
Menabur jasa
Dengan keringat dan darah
Mempertahankan mendaulatkannya.

Di bumi ini
Purih Satria
Pahlawan negara
Bersinsing tangan
Berganding bahu
Merapatkan barisan
Menjayakan Wawasan
Memperkasa Warisan.

Di bumi ini
Agama dipelihara
Di bumi ini
Titah dijunjung
Taat setia tiada berhujung.

Biar tebalah pengayuh di tangan
Biar sumpak
Biar rumpung jumpung dikayuh
Tetap mengharung lautan
Membelah ombak memecah gelombang
Menuju harapan
Menggapai tujuan.

Ini bumi kita
Negara Zikir pasaknya
Melayu Islam Beraja tonggaknya.

Ini bumi kita
Darussalam namanya
Ini bumi kita
الدائمون.المحسنون بالهدى.slogannya.

**MZM**
**Dewan Plenari, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas**
**15 Februari 2020**
**DSS Haji Awang Abdul Mokti Haji Mohd. Daud**

# PBSM siap siaga bantu masyarakat



**YANG Berhormat, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri berucap merasmikan Kolokium Bulan Sabit Antarabangsa dan Pergerakan Bulan Sabit Merah dan Asas Utama Perundangan Kemanusiaan Antarabangsa (IHL).**

**Oleh : Haniza Abdul Latif**
**Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 22 Februari. - Penglibatan Persatuan Bulan Sabit Merah (PBSM) Negara Brunei Darussalam sejak tahun 2010 dalam aktiviti di rantau Asia Tenggara, telah meningkat termasuk menjadi penganjur bagi acara-acara serantau terutama dalam pembangunan persatuan dan kesiapsiagaan mengatasi bencana.

PBSM Negara Brunei Darussalam juga menjalankan pelbagai aktiviti dan program di peringkat kebangsaan yang tertumpu kepada memberikan perkhidmatan kepada masyarakat termasuk bantuan pertolongan cemas BRC pertama, pengukuhan sukarelawan, pengurusan bencana dan kesediaan.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong menyatakan perkara tersebut semasa Perasmian Kolokium Bulan Sabit Antarabangsa dan Pergerakan Bulan Sabit Merah dan Asas Utama Perundangan Kemanusiaan Antarabangsa (IHL) yang berlangsung di Ibu Pejabat Kebangsaan PBSM Negara Brunei Darussalam, di sini.

Menurut Yang Berhormat, PBSM Negara Brunei Darussalam juga telah bekerja rapat dan berterusan bersama Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan (NDMC) Negara Brunei Darussalam di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Sebagai rakan strategik NDMC jelasnya, PBSM Negara Brunei Darussalam telah mengambil bahagian dalam pelbagai inisiatif kebangsaan bersama NDMC seperti menyediakan bantuan dalam menerima dan mencatat rekod sumbangan awam kepada NDMC berikutan Operasi Typhoon Haiyan di Filipina pada tahun 2013, menyediakan bantuan kepada Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah (DDMC) dalam kegiatan dan pemulihan banjir, dan baru-baru ini terlibat dalam aktiviti NDMC - Program Penyelaras Kesiapsiagaan Bencana (DPC) yang dianjurkan pada bulan Ogos tahun lepas.

Yang Berhormat seterusnya berharap, sebagai sebuah persatuan bukan kerajaan, PBSM Negara Brunei Darussalam akan memperkembangkan lagi keahliannya terutama dalam kalangan pelajar dan belia bagi meningkatkan lagi kesedaran dan kefahaman visi dan misi persatuan tersebut dalam membantu masyarakat.

Tambahnya, mengekalkan dan mengukuhkan lagi kesiapsiagaan, kapasiti dan keupayaan dalam tindak balas bencana adalah penting.

Oleh itu tekannya, kerjasama antara agensi-agensi kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan komuniti adalah diperlukan.

Kolokium sehari itu merupakan pengenalan komprehensif pergerakan Bulan Sabit Merah dan Palang Merah Antarabangsa termasuk peranan Jawatankuasa Antarabangsa Palang Merah (International Committee of the Red Cross - ICRC); Penyelaras Pembangunan Persatuan Kebangsaan, Persekutuan Antarabangsa Palang Merah dan Bulan Sabit Merah (National Society Development Coordinator, International Federation of Red Cross and Red Crescent - IFRC) dan PBSM Negara Brunei Darussalam.

PBSM Negara Brunei Darussalam ditubuhkan dalam tahun 1991 dengan menyediakan bantuan kemanusiaan yang disertai sekitar 1,300 sukarelawan terdiri dari kalangan belia dan pelajar sekolah-sekolah menengah, institusi-institusi pengajian tinggi dan universiti tempatan termasuk sektor swasta dan awam.



**ANTARA ahli- ahli PBSM yang hadir pada majlis tersebut.**

MINDA PEMBACA

**TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :**
1. **'Amalkan Budaya Kitar Semula'.** Tarikh Tutup : **26 Februari 2020**
2. **'Pusat Belia Bandar Seri Begawan'.** Tarikh Tutup : **4 Mac 2020**
3. **'Produk Tempatan Berpotensi Tembusi Pasaran Luar'.** Tarikh Tutup : **11 Mac 2020**

**TERMA DAN SYARAT :**
1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan **15** hingga **40 tahun,** yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara **200** hingga **300 patah perkataan**.
3. **Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap** dan **nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

**SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA**
Bahagian **PELITA BRUNEI**, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :
***pelita.brunei@information.gov.bn***

Menangi
BND75
SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

# Sentiasa mandiri lakukan pekerjaan, tingkatkan ekonomi negara



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.



YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara.

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Azmah Haji Ahad

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Ahad, 23 Februari. - Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Menjunjung Kasih di atas Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama kerabat diraja ke Acara Kemuncak Upacara Perhimpunan Agung Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-36, Tahun 2020 yang berlangsung pagi tadi di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien.

Yang Berhormat menyatakan kejayaan acara pada hari ini yang melibatkan banyak pihak bukan sahaja yang mengambil bahagian tetapi juga dalam kalangan orang ramai yang turut sama-sama memeriahkan Upacara Sambutan Hari Kebangsaan pada tahun ini.

Menurutnya, mereka yang terlibat dalam menjayakan acara boleh dikatakan di luar jangkaan kerana apa yang mereka berikan dan persembahkan pada hari ini begitu memuaskan sekali walaupun dalam jangka masa yang agak pendek tetapi mereka telah memberikan yang terbaik.

"Walaupun para peserta yang terlibat berada di bawah panas terik matahari, mereka masih bertahan demi mempamerkan semangat patriotisme, semangat yang jitu yang memang tertanam dalam diri orang Brunei yang memperlihatkan apa makna Hari Kebangsaan sebenarnya," jelasnya.

Yang Berhormat juga menyentuh mengenai titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-36, Tahun 2020 iaitu berkenaan Skim Kebajikan Negara (SKN) yang akan diperkenalkan dalam masa terdekat ini katanya, kita perlu melihat selangkah ke belakang di mana Kebawah DYMM telah menggariskan mengenai usaha-usaha yang sedang dan akan dilaksanakan ketika ini iaitu bagi pembanterasan kemiskinan di bawah Jawatankuasa Majlis Kebangsaan Isu Sosial.

Tambahnya, ia menunjukkan keprihatinan seorang Raja kepada golongan-golongan sasaran iaitu golongan yang memerlukan bantuan agar mereka tidak ketinggalan.

"Satu pelan tindakan telah dibentuk yang bertujuan untuk mengurangkan kadar kemiskinan di Brunei dan kebergantungan kepada apa jua skim-skim bantuan yang sedia ada bagi memastikan rakyat agar sentiasa mandiri dengan melakukan sesuatu pekerjaan seperti keusahawanan," katanya lagi.

Sementara itu, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Mohaimin bin Haji Johari @ Jahari berpendapat bagi menuju Wawasan 2035, sepertimana yang dititahkan oleh Kebawah DYMM iaitu bertakwa itu amatlah penting selain melaksanakan undang-undang dan peraturan-peraturan negara.

Menurutnya, ekonomi adalah satu perkara yang terpenting dalam kehidupan bernegara seperti yang pernah disentuh oleh Yang Berhormat Mufti Kerajaan di mana ekonomi adalah separuh daripada kehidupan.

"Lebih baik ekonomi negara itu dikuasai oleh orang-orang kitani daripada membuka peluang kepada orang luar akan tetapi pelabur-pelabur asing masih boleh kekal untuk membuat pelaburan yang dijalankan oleh orang Brunei sendiri bagi membantu meningkatkan ekonomi negara," ujarnya.

Dari segi pembangunan negara katanya lagi, jelas terlihat ia adalah seimbang dengan perkembangan rakyat yang mana kebanyakan peratusnya terdiri daripada golongan belia yang memainkan peranan yang penting di dalam memajukan sosioekonomi negara.

# Belia diseru banyakkan sumbangan bakti bagi kesejahteraan negara

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Ahad, 23 Februari. - Sumbangan masa dan tenaga yang lahir daripada semangat kesukarelawanan yang tinggi khususnya dalam sama-sama berganding bahu untuk mengekalkan kebersihan ekosistem agar Brunei kekal hijau dan bersih terus diutamakan.

Semasa ditemu bual, Awang Ahmad Nur Irsyadudin bin Hasrom daripada 'Green Brunei' menjelaskan ia merupakan projek kali pertama dan sumbangan yang diberikan kepada Negara Brunei Darussalam pada Perhimpunan Agung Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-36, Tahun 2020 yang diadakan di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien di ibu negara.

Jelasnya, ia adalah salah satu inisiatif 'Green Brunei' dalam memberikan platform untuk mempromosikan persekitaran yang lebih mampan melalui pendidikan, perbualan dan penganjuran.

Beliau seterusnya menyatakan tujuan utama menyertai HK-36 adalah untuk menuju ke arah Brunei yang lebih 'hijau' dan meminimalisasi penggunaan botol plastik agar Brunei lebih eco-friendly selain untuk mencapai matlamat Generasi Berwawasan agar lebih bertanggungjawab terhadap kebersihan alam sekitar dan menggalas bersama tugas membersihkan persekitaran Brunei.

Salah seorang lagi sukarelawan dari 'Green Brunei', Dayangku Lailatul Qadhariah binti Pengiran Sahiful Isra menjelaskan kemerdekaan adalah sebuah kemanisan yang dikecapi setelah segala jerih payah dikerahkan untuk meraih merdeka itu sendiri.

"Alhamdulillah, kemanisan itu telah pun dikecapi selama 36 tahun dan ia amat bermakna buat rakyat Brunei pada umumnya. Segala sumbangan yang mampu diberikan adalah berupa masa dan tenaga untuk sama-sama menjayakan HK-36 di samping usaha untuk mengekalkan alam persekitaran yang hijau dan bersih, merujuk kepada 'Kempen Bandarku Bersih' sekaligus memupuk usaha untuk membanteras penggunaan botol plastik secara berleluasa, selaras dengan 'Kempen Bandarku Bebas Botol Plastik' yang diungkayahkan pada HK-36 tahun ini," ujarnya lagi.

Setakat ini secara individu, sumbangan yang diberikan menurutnya belum lagi mencapai tahap yang diinginkan namun akan diusahakan dengan sedaya upaya untuk menyumbang kembali kepada negara dengan melakukan pelbagai khidmat masyarakat dan variasi kerja-kerja berkaitan sukarelawan tidak mengira medium atau apa pun untuk masa akan datang.

Sementara itu, ahli Sukarelawan Program Intervensi Pendidikan (PIP), Dayangku Nurul Ain binti Pengiran Haji Abdullah dari Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah pula menyentuh tentang perkembangan Brunei yang dapat dilihat dari segi teknologi, dan masyarakat yang kini bergiat aktif dan bekerjasama untuk menjayakan sambutan tersebut.

Ujarnya lagi, selaku rakyat dan penduduk di negara ini hendaklah berfikiran positif, berintegriti dan inovatif dalam semua aspek demi mencapai Wawasan Brunei 2035.



DAYANGKU Nurul Ain binti Pengiran Haji Abdullah.



AWANG Ahmad Nur Irsyadudin bin Hasrom.

"Saya sebagai sukarelawan bergiat aktif dalam membantu dan menolong masyarakat di negara ini dalam kejadian-kejadian bencana seperti banjir dan lain-lainnya," tambahnya.

Oleh yang demikian, beliau berharap akan lebih ramai lagi para sukarelawan untuk terus bergiat aktif dalam sama-sama menyumbang khidmat bakti kepada agama, bangsa dan negara yang dicintai.

# Isu keselamatan kesihatan perlu pendekatan pelbagai sektor

## HALUAN

Dari muka 2

Justeru, saya menyarankan agar kumpulan teknikal untuk mengambil kira konteks tempatan di Negara Brunei Darussalam dan khususnya, memahami sumber manusia yang diperlukan untuk melaksanakan cadangan-cadangan ini dengan berkesan.

Ketiga, dalam melaksanakan usaha untuk mengatasi cabaran-cabaran bagi mengukuhkan keupayaan teras dalam kecemasan kesihatan awam, kita tidak boleh lupa bahawa tindakan-tindakan berkenaan akan mendatangkan kesan kepada teras struktur masyarakat. Kumpulan yang paling terpinggir dan mudah terdedah kepada bahayalah yang berisiko tinggi menerima ancaman, wabak dan bencana alam. Keselamatan kesihatan tidak sewajarnya bergerak sendirian, sepatutnya perlu diserapkan dengan lebih meluas ke dalam strategi-strategi pembangunan kesihatan dan sosial. Masalah terbesar yang kita hadapi, seperti kesan perubahan iklim terhadap kesihatan, rintangan Antimikrobial dan pengurusan merebaknya wabak yang teruk tidak dapat ditangani oleh penyelesaian teknikal semata-mata. Hal ini memerlukan tindakan merentasi sektor, melibatkan masyarakat dan kesepakatan bersepadu antara negara-negara.

Semoga sepanjang beberapa hari mendatang, kita mampu membincangkan isu-isu berkenaan dengan keterbukaan dan kejujuran, dan cadangan-cadangan yang utuh menghasilkan kesihatan yang selamat dan memperbaiki kehidupan. Saya percaya jika kita gandakan usaha bagi memastikan sistem kesihatan yang berdaya tahan ketika terjadinya penularan wabak penyakit dan mampu bertindak menangani kecemasan kesihatan awam, maka generasi Brunei akan datang akan menghargai bahawa kita telah melakukan yang terbaik bagi mereka dalam mencapai kehidupan yang sihat dan produktif.

Saya mengakhiri ucapan saya dengan kalimah *Bismillahir Rahmanir Rahiim* saya merasmikan JEE dalam Kapasiti Teras IHR bagi Negara Brunei Darussalam.

*Wabillahit Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

# Berbangga sertai Perhimpunan Agung Hari Kebangsaan Ke-36 Tahun

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Azmah Haji Ahad

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 23 Februari. – Semangat patriotisme yang dipamerkan oleh segenap lapisan masyarakat di negara ini telah di zahirkan melalui Upacara Perhimpunan Agung bersempena Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-36, Tahun 2020 yang berlangsung penuh meriah di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien, ibu negara.

"Selaku rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang mengikuti upacara tersebut, ia merupakan satu pengalaman yang begitu berharga," jelas Pengiran Razali bin Pengiran Yusof Metali ketika ditemu bual bersama Pelita Brunei yang menyertai perbarisan lalu mewakili Persatuan Warga Emas Brunei Muara.

"Alhamdulillah bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana pada tahun ini sekali lagi berkesempatan berpeluang bersama-sama merayakan sambutan Hari Kebangsaan tahun ini dan juga amat gembira kerana berpeluang dapat sama-sama melihat suasana perbarisan dan persembahan diadakan pada tahun ini," jelasnya kepada Pelita Brunei.

Manakala Awang Haji Zulkiflie bin Awang Osman dari Kampung Lambak Kanan berumur 62 tahun bersyukur dan gembira kerana diberi kesempatan lagi dalam sama-sama melibatkan diri memeriahkan suasana Sambutan Hari Kebangsaan pada tahun ini.

Kemeriahan ini ujarnya, bukan sahaja dapat dirasai oleh rakyat dan penduduk malah menjadi satu memori buat para pelancong asing yang merasakan sangat bertuah menyaksikan pemimpin yang dekat.

"Saya amat bertuah kerana berpeluang lagi mengikuti perbarisan dan merasa gembira berbanding dari tahun sebelumnya," tambahnya.

Katanya lagi, Sambutan Hari Kebangsaan akan disaksikan oleh ribuan rakyat jelata tidak kira dari dalam dan luar negeri. Selaku rakyat Kebawah DYMM, Awang Haji Zulkiflie amat berbangga kerana menyertai dan memeriahkan lagi Sambutan Hari Kebangsaan ini.



AWANG Haji Zulkiflie bin Awang Osman dari Kampung Lambak Kanan berumur 62 tahun bersyukur dan gembira diberi kesempatan pada tahun ini lagi.



PENGALAMAN yang amat berharga menyertai perbarisan yang mewakili Persatuan Warga Emas Brunei Muara ujar Pengiran Razali bin Pengiran Yusof Metali.



AWANG Mohammad Eddee Nass bin Nasir dari Kampung Bukit Tutong amat bertuah dapat menyaksikan Kebawah DYMM berserta kerabat diraja bersama-sama memeriahkan lagi sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam.

Bagi Mohammad Eddee Nass bin Nasir dari Kampung Bukit Tutong menjelaskan bahawa pada hari ini amat gembira menyaksikan sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam yang begitu penting dalam sejarah Negara Brunei Darussalam.

Menurutnya, pada pagi ini keramaian peserta amat membanggakan kerana ia amat penting bagi rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam serta berpeluang untuk menyaksikan keberangkatan Kebawah DYMM berserta kerabat diraja bagi bersama-sama memeriahkan lagi sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam.

Katanya kali ini beliau dapat melihat secara dekat dan amat penting untuk di kenang hingga ke akhir hayat. Suasana itu nanti akan menjadikan pengalaman yang terindah bagi dirinya. Keseronokan pada hari itu akan menjadi sejarah buat selama-lamanya dan akan di kenang untuk menjadi ristaan Negara Brunei Darussalam.

# Pelancong asing turut meriahkan Sambutan Hari Kebangsaan

Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman
Foto. : Dk. Nurhafilah Pg. Osman,
Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman



PELANCONG yang berasal dari Jerman, Nadja Bootsmann, 20 tahun.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 23 Februari. – Upacara Perhimpunan Agung Sempena Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-36, Tahun 2020 berlangsung di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien bukan sahaja disaksikan oleh penduduk dan rakyat di negara ini malah turut menjadi tumpuan pelancong-pelancong asing luar negara yang juga tidak melepaskan peluang keemasan itu.

Pelancong yang berasal dari Jerman, Nadja Bootsmann, 20 tahun ketika ditemui Pelita Brunei melahirkan rasa teruja kerana dapat berpeluang menyaksikan sendiri Upacara Perhimpunan Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam.

Menurutnya, Sambutan Hari Kebangsaan di negaranya sangat jauh berbeza kerana mereka tidak menyambutnya secara besar-besaran berbanding di Negara Brunei Darussalam di mana ia jelas meriah dengan penglibatan dari segenap lapisan rakyat dan penduduk yang sama-sama menjayakan upacara sambutan tersebut.

Beliau yang baharu pertama kali menjejakkan kaki ke negara ini juga tidak mengetahui mengenai Sambutan Hari Kebangsaan yang berlangsung itu dan menganggap dirinya sangat bertuah kerana berada pada masa yang tepat untuk menyaksikannya.

Tambahnya lagi, sepanjang berada di negara ini, penduduk Brunei sangat peramah dan baik hati serta banyak membantu beliau. Manakala bagi tiga orang pelancong yang berasal dari Manila, Republik Filipina iaitu Ann, Julie dan Carol menganggap Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah negara yang aman damai.

Sambutan Hari Kebangsaan yang disambut ini jelas mereka sangat meriah dan mereka juga teruja kerana dapat melihat lebih dekat lagi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta ahli-ahli kerabat diraja secara lebih dekat.

Seorang lagi pelancong dari England, Naazia Atchia, 25 tahun yang melancong bersama adik beradiknya baharu sahaja tiba ke negara ini semalam. Mereka juga berasa sangat beruntung kerana dapat menyaksikan upacara penuh gilang gemilang ini yang setentunya sangat berbeza daripada negara asal mereka. Menurutnya, beliau sangat gembira kerana dapat berada di Negara Brunei Darussalam yang aman damai dan bertemu dengan masyarakat Brunei yang cukup peramah.



TIGA pelancong yang berasal dari Manila, Republik Filipina iaitu Ann, Julie dan Carol menganggap Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah negara yang aman damai.

# Tonjol semangat patriotisme kalangan kanak-kanak

Berita dan Foto : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 23 Februari. - Persembahan bersempena Sambutan Hari Kebangsaan Ke-36, Tahun 2020 turut dimeriahkan dengan penyertaan kanak-kanak malah mereka turut menzahirkan perasaan gembira kerana berpeluang bagi sama-sama memeriahkan lagi Sambutan Hari Kebangsaan yang diraikan dengan penuh gilang gemilang.

Pelita Brunei berpeluang menemu bual beberapa orang peserta kanak-kanak yang menyertai persembahan padang pada upacara tersebut yang diadakan di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien di ibu negara.

Dayang Nadia binti Haji Abdul Hamid, 11, murid Tahun 6 dari Sekolah Rendah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah dan kakaknya, Dayang Asmah binti Haji Abdul Hamid, 16, pelajar Tahun 13 Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan menjelaskan mereka sangat gembira kerana menyertai persembahan padang sempena sambutan berkenaan.



PELAJAR adik beradik, Dayang Asmah binti Haji Abdul Hamid, 16 dan Dayang Nadia binti Haji Abdul Hamid, 11.

Jelas Dayang Nadia, ini merupakan kali kedua mereka dibawa bagi membuat persembahan pada sambutan berkenaan yang mana kali pertama menyertai pada tahun lepas. Pada penyertaan kali ini jelasnya, mereka menyertai pada persembahan 'Alai Genderang' dan bermain alat musik viola.

# IMBASAN MINGGUAN

MENARIK....antara persembahan di Majls Ramah Mesra Tahun Baharu Tionghua. - Foto : Mohammad Azmi Awang Damit.



SUASANA Majlis menaikkan Bendera Besar Negara Brunei Darussalam sempena Sambutan Hari Kebangsaan Kali Ke-36. - Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid





PARA penuntut lepasan PTES tahun 2019 bersama guru pegawas di perasmian projek 'HASHTAG GERGASI NBD36'. - Foto : Azmah Haji Ahad.



SALAH satu aktiviti yang dijalankan sempena Sambutan Pasukan Pandu Puteri Negara Brunei Darussalam dengan kerjasama PKBN. - Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman



AKSI menarik perlawanan antara sekolah-sekolah baru-baru ini adalah anjuran NFABD. - Foto : Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin.

# LENSA Pelajar

## Sekolah Menengah Masin



# Gilap bakat penulisan penuntut

Oleh : Zawiyatun Ni'mah Mohamad Akir
Foto : Ihsan Shahidah Khairena Haji Sharbini
dan Dewan Bahasa dan Pustaka



MINAT seseorang dalam bidang penulisan perlu dipupuk dan disuntik sedari awal agar bakat tersebut semakin menyerlah. Setiap orang memiliki cara yang berbeza dalam menyampaikan idea di dalam bentuk penulisan. Bertitik tolak dari itu penilaian dalam penulisan ini juga merupakan sesuatu yang sangat subjektif. Penilaian penulisan dilakukan berdasarkan garis panduan yang berbeza-beza.

Lensa Pelajar kali ini ke Sekolah Menengah Masin yang ingin mengetengahkan penglibatan para penuntut sekolah tersebut dalam menyertai Peraduan Menulis Karangan Majalah Mekar - Juara Pelajar Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) 2019 yang berlangsung pada 23 November 2019 di DBP, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Para penuntut menyertai peraduan tersebut dalam dua kategori iaitu Kategori 'B' terdiri daripada para penuntut Tahun 7 dan 8, manakala Kategori 'C' terdiri daripada para penuntut Tahun 9, 10 dan 11. Berdasarkan penglibatan yang disertai oleh para penuntut dalam bidang penulisan memperlihatkan kecemerlangan dalam bidang tersebut apabila mereka beroleh kemenangan.

Kemenangan yang diperoleh dalam Kategori 'B', tempat ketiga dimenangi oleh Awang Mohd. Mustaqim bin Abdulla (7 Tabliqh) mendapat hadiah BND300 dengan tajuk karangan 'Sekuntum Bunga Teratai' dan Dayangku Nur Ismahani Munjiah binti Pengiran Haji Mahmud (7 Istiqamah) memenangi sagu hati menerima hadiah BND150 dengan tajuk karangan 'Kerana Aku Si Penjaja Kuih' dan Dayang Nur Izzah Nawwarah binti Md. Fauzi (8 Aqua) juga menerima sagu hati dengan tajuk karangan 'Peneman Hidupku'.

Manakala dalam Kategori C antaranya ialah juara mendapat hadiah BND500 dimenangi oleh Dayang Siti Nur Qistina binti Mohd Mashairee (10 Lily) dengan tajuk karangan 'Kecelaruan', tempat ketiga dimenangi oleh Dayang Nur Hassanatul Fikriyah binti Haji Md. Sufri (10 Lily) dengan tajuk karangan 'Semua Kerana Haura' dengan hadiah BND400, Sagu hati menerima BND200 dengan tajuk karangan 'Sejujurnya bukan aku' dimenangi oleh Dayang Siti Fatimah binti Haji Fauzi (11 Pearl) dan Dayang Nurul Zayani binti Musli (11 Jade).

Tema yang digunakan dalam peraduan ini ialah berbentuk bebas tetapi tidak melampaui batas konsep Melayu Islam Beraja (MIB). Para penuntut harus mengikuti tema yang telah disediakan oleh pihak penganjur supaya tidak terjadinya kekeliruan.

Bentuk penulisan lazimnya berbentuk kreatif dan non-kreatif yang mana bentuk penulisan kreatif ialah karangan berbentuk cerita yang menggambarkan buah fikiran, mempunyai emosi, daya imaginasi, kreativiti, mesej atau pengajaran dan keindahan bahasa dalam sesebuah karangan. Biasanya penulisan ini berkait rapat dengan pengalaman penulis seperti cerpen.

Manakala penulisan non-kreatif ialah karangan yang lebih menekankan fakta, idea, teknik dan format. Biasanya lebih mementingkan kepadatan isi dan wacana dalam menyampaikan idea berdasarkan tajuk yang terbatas. Antara jenis karangan non-kreatif ialah syarahan, ceramah, perbahasan, rencana, laporan, wawancara, surat, berita, penerangan fakta, komentar dan ulasan.

Berdasarkan penyertaan para penuntut dalam peraduan ini mampu menggilap bakat mereka dalam bidang penulisan sama ada kreatif mahupun non-kreatif dengan lebih bersistem. Secara tidak langsung jua, mereka menjadi terbiasa menulis dan melahirkan banyak idea yang bernas dengan cara menghuraikan secara objektif dan kreatif serta mereka mampu membentuk ayat yang kemas, ejaan yang betul dan tatabahasa yang tepat.

# PPPBD semarakkan Sambutan Hari Kebangsaan




KETUA Pesuruhjaya PPPBD, Timbalan Ketua Pesuruhjaya PPPBD, Penolong-penolong Ketua PPPBD dan Pesuruhjaya-pesuruhjaya PPPBD serta ahli-ahli persatuan PPPBD yang lain hadir pada Majlis Doa Kesyukuran sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-36, Tahun 2020.

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 22 Februari. - Sebagai tanda kesyukuran atas limpah kurnia kemakmuran dan keamanan yang telah dikurniakan oleh Allah Subhanahu Wata'ala kepada Negara Brunei Darussalam (NBD), pelbagai pihak di NBD hari ini mengadakan Majlis-majlis Doa Kesyukuran sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-36, Tahun 2020.

Antara yang mengadakan Majlis Doa Kesyukuran, Solat Fardu Asar berjemaah ialah Persatuan Pandu Puteri Brunei Darussalam (PPPBD) sempena sambutan tersebut yang diadakan di Ibu Pejabat PPPBD di Kampung Anggerek Desa.

Antara yang hadir menyertai majlis berkebijakan itu ialah Ketua Pesuruhjaya PPPBD, Dayang Hajah Siti Hafsah binti Haji Abdul Halim; Timbalan Ketua Pesuruhjaya PPPBD, Dayang Hajah Viviyanti binti Haji Aji; Penolong-penolong Ketua PPPBD dan Pesuruhjaya-pesuruhjaya PPPBD serta ahli-ahli PPPBD yang lainnya.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Yaa Siin dan Doa Kesyukuran sempena Sambutan Hari Ulang Tahun Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-36, Tahun 2020 diikuti dengan Sembahyang Fardu Asar Berjemaah yang diimamkan oleh Pesuruhjaya Kerohanian PPPBD, Dayang Hajah Fatimah Haji Abd. Ghani.

Majlis merupakan salah satu kegiatan tahunan persatuan bagi menyemarakkan lagi Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-36, di samping untuk meningkatkan dan mengukuhkan perasaan muhibah dan hubungan silaturahim dalam kalangan ahli persatuan.

# Belia aset merealisasikan Wawasan Negara 2035



AWANG Muhammad Faizal bin Haji Saban.



AWANG Mohamad Mahadzir Iskandar bin Zakaria.



DAYANG Faten Salwati binti Mahmud Shahrani.

Berita dan Foto: Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Ahad, 23 Februari. - Masa depan negara terletak di tangan belia kerana mereka adalah khazanah negara yang paling berharga.

Walau bagaimanapun, institusi keluarga, institusi pendidikan, dakwah, media dan lain-lain perlu melihat perkara ini supaya kita dapat sama-sama fokus bagaimana untuk membimbing serta memberi tauladan yang baik dan sekali gus melahirkan model belia insan yang berkualiti agar mereka memberi impak yang positif untuk pembangunan moral.

Penolong Pengarah di Jabatan Percetakan Kerajaan, Awang Muhammad Faizal Bin Haji Saban ketika ditemui Pelita Brunei menjelaskan demikian sempena tema Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-36, Tahun 2020 iaitu 'Menjayakan Wawasan Negara'.

Tambahnya, negara yang mempunyai belia yang positif akan memberi natijah yang baik serta bermanfaat untuk kemajuan negara.

"Kalau kita melihat 10 tahun yang lepas berbanding hari ini, secara nyata banyak sudah keperluan pembangunan-pembangunan dan infrastruktur di negara ini dibuat untuk kemudahan serta kegunaan rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia di antaranya, perumahan-perumahan negara, jambatan penghubung dan sebagainya," ujarnya.

Dengan adanya jambatan penghubung di antara Daerah Brunei-Muara dan Temburong itu nanti tambahnya, akan mampu meningkatkan peluang belia kitani untuk menceburi bidang perniagaan sekali gus dapat berusaha untuk meningkatkan dan menjana keuntungan dari sana.

Pada kesempatan ini, beliau ingin mengucapkan Selamat Menyambut Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-36 kepada semua rakyat Negara Brunei Darussalam.

Sementara itu, Pegawai Projek di Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP), Dayang Faten Salwati binti Mahmud Shahrani menyatakan belia negara adalah peneraju negara di masa akan datang apatah lagi sekarang kita sudah memasuki tahun serba moden iaitu tahun 2020 di mana pada sikit masa lagi kita akan memasuki tahun 2035 bagi merealisasikan Wawasan Negara.

Oleh itu katanya, para belia perlu mempelbagaikan kemahiran diri yang ada dalam apa jua tugasan atau tanggungjawab yang diceburi.

Beliau juga menyentuh mengenai bidang pertanian yang mana pada ketika ini banyak menggunakan peralatan dengan berteknologi tinggi.

"Mempelajari daripada peringkat awal dalam bidang pertanian memang tidak mencukupi terutama sekali penggeraknya adalah belia. Mereka perlu mengetahui teknologi terkini bagi meraih apa yang disasarkan oleh Kerajaan bagi mencapai Wawasan 2035," jelasnya lagi.

Yang Dipertua Persatuan Motorsikal Darussalam (PEMODA), Pengiran Haji Redzuan bin Pengiran Haji Ahmad pula menjelaskan para belia seharusnya terus berusaha untuk memajukan diri dengan merebut peluang yang disediakan oleh Kerajaan Kebawah DYMM sama ada dari segi pendidikan, keusahawanan, kepakaran serta kemahiran dalam pelbagai bidang.

"Alhamdullilah, negara kitani mempunyai kemudahan-kemudahan asas yang sangat baik. Pembangunan negara sangat nampak ketara dengan kebijaksanaan dan kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam," terangnya.

Beliau juga ingin mengucapkan Selamat Menyambut Hari Kebangsaan Ke-36 dan semoga negara kitani akan sentiasa berada di bawah perlindungan Allah Subhanahu Wata'ala.

Bagi Awang Mohamad Mahadzir Iskandar bin Zakaria, beliau berharap bersempena Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-36 ini supaya negara ini akan kekal aman dan makmur di bawah naungan pemerintahan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta dapat melahirkan lebih ramai generasi berwawasan.

"Golongan belia akan terus maju dan meningkatkan semangat jati diri demi menjayakan Wawasan Negara pada tahun ini sejajar dengan tema Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam tahun ini," tambahnya lagi yang bertugas di Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD).

# PSB terima kunjungan rombongan PKBN, PBCTA



ROMBONGAN Program Khidmat Bakti Negara diberikan penerangan semasa mengadakan lawatan di Pusat Sejarah Brunei.

Siaran Akhbar dan Foto : Ihsan Hajah Siti Aisah binti Pungut, Pegawai Sejarah, Bahagian Pameran dan Perkhidmatan Pusat Sejarah Brunei

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 22 Februari. - Pusat Sejarah Brunei telah dikunjungi oleh rombongan daripada pelatih-pelatih Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) Pengambilan ke-9 yang terdiri dari 4 platun dari Kumpulan A Wing seramai 207 orang termasuk jurulatih dan juga para peserta Program Belia Cinta Tanah Air (PBCTA) bagi tahun 2020 seramai 38 orang. Terdahulu, 4 platun dari Kumpulan B Wing juga seramai 207 orang termasuk jurulatih telah mengadakan lawatan yang sama pada Khamis, 20 Februari yang lalu.

Rombongan disambut dan dialu-alukan oleh Pegawai Sejarah Kanan, Pengiran Hajah Mahani binti Pengiran Haji Ahmad selaku Ketua Bahagian Pameran dan Perkhidmatan dan seterusnya menyampaikan taklimat berkenaan fungsi dan peranan Pusat Sejarah Brunei serta taklimat ringkas berkenaan MIB dari Pendekatan Sejarah. Kedua-dua rombongan kemudiannya diiringi dan dipandu oleh pegawai dan kakitangan Pusat Sejarah Brunei melawat ke galeri-galeri pameran di Pusat Sejarah Brunei.

Tujuan lawatan kedua-dua rombongan tersebut ke Pusat Sejarah Brunei adalah sebagai salah satu isi program yang diaturkan bagi program yang mereka ikuti di samping untuk mendedahkan mereka khususnya para belia dan generasi muda tentang Sejarah Negara Bangsa. Antara galeri-galeri kekal yang dikunjungi adalah Galeri Sejarah Brunei Tua, Galeri Koleksi Manuskrip Borneo, Galeri Era Kegemilangan Brunei, Galeri Salasilah dan Galeri Perlembagaan Negeri Brunei 1959 termasuk Galeri Legasi Pemerintahan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah dan Galeri Nama-Nama Sultan di dalam Kaligrafi Islam yang merupakan pameran berkala di Pusat Sejarah Brunei.

Selain pameran, beberapa aktiviti lain juga diadakan seperti tunjuk cara seni khat jawi, takapan batu nisan, tunjuk cara pembuatan salasilah dan jualan buku terbitan Pusat Sejarah Brunei.

# Warna-warni Hari Kebangsaan




SUASANA sekitar Acara Kemuncak Perhimpunan Agung Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Ke-36 yang berlangsung di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien.

Pelita Brunei

# Sukan

## INFO SUKAN

PERSATUAN Bola Sepak Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (NFABD) telah mengadakan Kongres Luar Biasa NFABD Ke-7 bagi Tahun 2020 pada 15 Februari 2020. Pada kongres tersebut, NFABD telah melantik Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin menjadi Naib Yang Di-Pertua NFABD dan turut melantik enam Komiti Eksekutif (ExCo) yang baharu termasuk jawatan Setiausaha Agung NFABD.

ePaper Pelita Brunei

# 50 murid SRDMY ikuti Program Bola Sepak Sekolah

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Mohd. Zul Izzi Haji Duraman

**MENTIRI**, Sabtu, 22 Februari.- Lebih 50 orang murid dari Sekolah Rendah Dato Mohd Yassin (SRDMY), Rancangan Perumahan Negara (RPN) Mentiri mengikuti Program Bola Sepak Sekolah di Padang Bola Sepak, sekolah berkenaan, di sini.

Program tersebut dilaksanakan untuk mengenal pasti murid-murid yang boleh mewakili pasukan sekolah yang akan bertanding pada kejohanan di peringkat sekolah-sekolah rendah bermula 31 Mac 2020 bagi Kluster 4.

Acara tersebut diteruskan dengan penyampaian hadiah kepada pemenang yang disampaikan oleh Jawatankuasa Eksekutif NFABD, Awang Haji Mohd. Nor Haji Abd Hamid.

Tempat pertama bagi Kategori Umur 9 Tahun dimenangi oleh Rumah Hitam manakala tempat kedua dimenangi oleh Rumah Hijau dan berada di tempat ketiga ialah Rumah Merah.

Sementara bagi Kategori Bawah 12 Tahun dimenangi oleh Rumah Merah manakala tempat kedua ialah Rumah Biru dan di tempat ketiga Rumah Hitam.

NFABD bekerjasama dengan Jabatan Pendidikan Kokurikulum (JPKK), dengan menyediakan format bagi persediaan kejohanan tersebut yang mempunyai dua kategori bagi kejohanan sekolah rendah iaitu Kategori Bawah 9 Tahun dan Kategori Bawah 12 Tahun.

Program yang merupakan secara 'inter-house' tersebut akan dibahagikan kepada empat pasukan.

Turut hadir pada program tersebut ialah Penolong Guru Besar, Awang Razaliegh Haji Mohd. Zain; Jawatankuasa Eksekutif NFABD, Awang Mohd. Nazib Haji Ali; General Secreatary NFABD, Haji Mohd. Ruzaimeenizam Haji Mohd. Salleh; wakil A. Latip Clinic, Dr. Hajah Aidawati Haji Abdul Latip; dan Pengurus Besar McDonald's cawangan Jerudong, Awang Mohd. Dini bin Haji Morsidi.

Program bola sepak yang disokong oleh Makan Ceria Sdn Bhd dan McDonald's Brunei tersebut antara lain bertujuan untuk memupuk nilai-nilai kerjasama dan disiplin dikalangkan murid-murid.



JAWATANKUASA Eksekutif NFABD menyampaikan hadiah kepada pemenang.



MURID-MURID dari Sekolah Rendah Dato Mohd Yassin (SRDMY), Rancangan Perumahan Negara (RPN) Mentiri ketika menyertai Program Bola Sepak Sekolah.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

'MENJAYAKAN WAWASAN NEGARA'

دتربيتكن اوليه جابتن ڤنراڠن، جابتن ڤردان منتري دان دچيتق اوليه جابتن ڤرچيتقن كراجان، نݢارا بروني دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.